

A large, ornate building with a prominent dome and a minaret, likely a mosque, serves as the background for the title. The building is white with intricate architectural details and is surrounded by greenery.

**AWQAF**  
HOLDINGS BERHAD

LAPORAN TAHUNAN  
**2015**

# **VISI**

Merapatkan jurang ekonomi menggunakan keupayaan luar biasa Waqaf Korporat® dan memanfaatkan kelestarian wakaf dalam mentransformasikan ekonomi dan membina masyarakat yang adil dan makmur

# **MISI**

Menjadi Institusi Waqaf Korporat® diterajui komuniti dengan merealisasikan matlamat Jihad Bisnes bertujuan memperkasa ekonomi masyarakat.

Membina bisnes, menghimpun aset, menambah nilai dan memupuk daya keusahawanan generasi baru bagi menjana peluang ekonomi dalam memakmurkan masyarakat dan negara menerusi kaedah bisnes dan korporat bersumberkan dana wakaf

# PROFIL KORPORAT

Awqaf Holdings Berhad ("AWQAF") telah ditubuhkan sebagai sebuah Institusi Waqaf Korporat® bertujuan menggembungkan sumbangan wakaf daripada masyarakat termasuk individu, institusi, organisasi bisnes dan korporat. Ianya adalah syarikat berhad yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia ("SSM") dengan entiti wakaf dan jaminan tanpa syer yang telah ditubuhkan pada 03 September 2012 melalui Dewan Perdagangan Islam Malaysia ("DPIM")

AWQAF ditauliahkan kuasa Mutawalli sebagai Waqaf Korporat® di bawah Majlis Agama Islam Negeri Sembilan ("MAINS") melalui surat tauliah Majlis Agama Islam Negeri Sembilan bertarikh 10 Disember, 2014. Ini memberi hak dan tanggungjawab sepertimana yang termaktub di dalam Memorandum dan Artikel AWQAF, sebagai Penerima, Pengurus dan Pentadbir aset waqaf dan untuk juga bertindak sebagai Maukuf-Alaihi saham-saham, wang tunai, tanah dan lain-lain aset wakaf di bawah milik AWQAF.

Matlamat jangka panjang AWQAF adalah untuk menjayakan perjuangan Jihad Bisnes dengan membina bisnes, menghimpun aset wakaf, menambah nilai dan memupuk daya keusahawanan generasi baru menjana peluang ekonomi baru memakmurkan masyarakat dan negara.

Sehubungan dengan itu AWQAF mengorak langkah dengan membangunkan hartanah pertamanya bermula dengan projek PERSADA AWQAF di Putrajaya dengan anggaran Nilai Pembangunan Kasar sebanyak RM376 Juta bertujuan mengekalkannya, Insya Allah berpanjangan generasi demi generasi.



Fasa pertama pembangunan PERSADA AWQAF ini akan dimulakan dengan membina bangunan setinggi 9 tingkat iaitu Blok A dan akan dinamakan "Kompleks AWQAF". Ia terdiri daripada unit-unit kedai, unit-unit pejabat, dewan konvensyen, ruang pameran dan beberapa bilik mesyuarat dimana ia menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh para usahawan dan ahli perniagaan.

Dalam erti kata lain, ini merupakan satu peluang terbaik bagi ahli perniagaan kelas sederhana dan menengah memiliki harta dan aset berkualiti untuk menambah profil aset masing-masing bagi membina keupayaan umat Islam untuk maju ke hadapan.

Kami berharap, hasil keuntungan bersih daripada pelaburan hartanah PERSADA AWQAF dapat digunakan sebagai pelaburan untuk aset hartanah lain pada masa hadapan dan melaksanakan program tanggungjawab sosial, antaranya, program Tabung ZuriatCARE bagi menangani masalah pembuangan bayi dan gejala sosial dikalangan remaja.

# ISI KANDUNGAN

---

## SEKILAS PANDANG

1. Sekilas Pandang 2015
2. Dana Wakaf
3. Kenyataan Pengerusi
4. Ulasan Operasi

## KEPIMPINAN

1. Informasi Korporat
2. Struktur Organisasi
3. Pengasas
4. Ahli Lembaga Pengarah
5. Pengurusan

## URUS TADBIR KORPORAT

1. Kenyataan Urus Tadbir Korporat
2. Penyata Mengenai Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman
3. Laporan Jawatankuasa Audit

## 5 LAPORAN AKTIVITI AWQAF

1. Persada AWQAF
2. Program perkongsian AWQAF
3. Program ZuriatCARE

## 25 LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN

### NOTIS MESYUARAT AGUNG 96

### TAHUNAN

### BORANG PROKSI 98

### LAMPIRAN 99


### BORANG AHLI

## 39 RISALAH AWQAF

## RISALAH ZURIATCARE

*SEKILAS*  
*PANDANG*  
*2015*

# 2015 sekilas pandang



Sejak penubuhannya pada 3 September 2012, beberapa pencapaian telah berjaya dikecapi oleh AWQAF yang merupakan asas kepada kesinambungan terhadap apa yang dikecapinya sehingga ke hari ini. Antaranya mendapatkan kelulusan rasmi bagi pembelian tanah berjumlah 2 ekar dari pihak Putrajaya Holdings Sendirian Berhad (PJH) di Presint 3, Pusat Bandar Putrajaya bersebelahan dengan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin. Kelulusan ini seterusnya membawa kepada perjanjian jual beli yang telah dimeterai dan ditandatangani kedua-dua belah pihak AWQAF dan PJH, pada 26 Mac 2016, sekali gus menandakan komitmen AWQAF membangunkan projek pertamanya di

Putrajaya. Di dalam tahun 2015 juga, reka bentuk konsep seni bina PERSADA AWQAF juga telah dimuktamadkan bagi serahan kepada pihak Berkusa Tempatan Putrajaya bagi kelulusan pembangunan.

Pembangunan asset harta tanah komersil pertama AWQAF diberi nama PERSADA AWQAF dengan nilai pembangunan kasar berjumlah RM376juta dan merupakan projek contoh konsep wakaf korporat pertama di dunia. Selain lokasinya yang strategik, PERSADA AWQAF juga mampu menjadi pelengkap kepada kemudahan infrastruktur serba lengkap dan moden yang terdapat di Putrajaya.

Model bisnes yang dibawa oleh AWQAF yang berdaya maju dan menggabungkan kedua-dua matlamat wakaf dengan matlamat bisnes/korporat yang

menawarkan peluang kepada setiap rakyat Malaysia untuk mengambil bahagian dalam projek pelaburan berkonsep wakaf yang direka untuk menjana pendapatan dan membina asas korporat yang kukuh bagi AWQAF.

Sepanjang tempoh April 2015, AWQAF telah mengumpul sebanyak RM2.7 juta (RM 856,250 dana wakaf dari sumber keahlian, RM1.84 juta adalah bayaran pelabur unit PERSADA AWQAF). Dana yang berjaya dikumpul ini telah disalurkan bagi mebiayai pembelian tanah di Putrajaya, manakala sebahagiannya bagi disalurkan kepada tabung ZuriatCARE yang khusus bagi melindungi zuriat.

Pada 13 Jun 2015, Projek PERSADA AWQAF telah dilancarkan dan hari tersebut turut menyaksikan pelancaran Tabung Wakaf ZuriatCARE. Tabung Wakaf ZuriatCARE ditubuhkan dengan tujuan utamanya memberi penekanan terhadap perlindungan bayi melalui kerjasama dengan pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Muslim bagi melindungi dan menjaga kebajikan isu-isu berkaitan perlindungan bayi. Fokus AWQAF fokus bukan hanya kepada melancarkan projek pembangunan komersil hingga menyebabkan kemungkinan masyarakat melihat matlamat perjuangan AWQAF lebih mengutamakan “menggunakan wakaf untuk mengaut untung dan menghimpun wang dan harta”; daripada mencapai aspirasi sebenar sesebuah wakaf dibangunkan, iaitu menyelesaikan masalah atau mengatasi ancaman semasa yang dihadapi oleh masyarakat setempat. Pelancaran Tabung Wakaf ZuriatCARE

diyakini berupaya menonjolkan aspirasi dan matlamat utama dan aspirasi sebenar AWQAF ialah memperjuangkan Maqasid Syariah membela Islam dan melindungi kepentingan besar umatnya.


Waqaf korporat® yang dibawa AWQAF merupakan transformasi konsep wakaf konvensional melalui pengurusan harta wakaf yang ditadbir urus oleh entiti korporat secara lebih profesional dan komersil. Pendekatan yang diimplementasikan AWQAF tertumpu kepada pengurusan harta secara korporat yang berupaya menjana pulangan pendapatan lumayan, seterusnya meningkatkan pemilikan asset hartanah masyarakat Islam di Malaysia. Pengenalan konsep baharu ini dilihat bersesuaian dengan peredaran zaman untuk memberi ruang dan peluang kepada Umat Islam di Malaysia untuk beramal, sekali gus menyumbang ke arah kemajuan sosio ekonomi ummah.

AWQAF juga terlibat secara aktif di dalam pelabagi persidangan dan wacana domestik dan antarabangsa (termasuk pada Forum Ekonomi Islam Dunia - WIEF) dengan hasil yang sangat positif dan menggalakkan. Pengiktirafan bagi institusi wakaf korporat juga telah diterima daripada pelbagai universiti dan institusi akademik. Di antara yang terawal adalah dari Said Business School dan Universiti Oxford, berdasarkan penemuan penyelidikan yang dijalankan oleh universiti. Semua ini membawa harapan luar biasa terhadap prospek Malaysia sebagai negara Islam pertama melancar dan melaksanakan institusi wakaf korporat. Jelas terbukti konsep wakaf

korporat punyai tarikan hebat tersendiri yang membolehkan AWQAF menarik

pelaburan serta sumbangan wakaf tunai dari kalangan masyarakat awam.

# Dana Wakaf



# Kenyataan Pengerusi

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Segala puji-pujian hanya kepada Allah SWT, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW dan sahabat-sahabat baginda. Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi, kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, kita telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan AWQAF bagi tahun kewangan 2015 yang julung-julung kali diterbitkan dan merupakan edisi sulung.


Saya berkeyakinan melalui penerbitan Laporan Tahunan ini, maka segala maklumat berkaitan AWQAF dan perkhidmatannya akan dapat disampaikan dengan lebih cepat dan telus. Saya juga yakin bahawa Laporan Tahunan ini akan memberi manfaat dan menjadi rujukan buat semua pihak – pihak yang berkepentingan.

## **Waqaf Korporat®**

Selaras dengan edisi sulung Laporan Tahunan AWQAF, izinkan saya menghuraikan dan memberi penjelasan ringkas mengenai konsep Waqaf Korporat®, aspirasi dan rasional di sebalik penubuhannya, serta menggariskan kaedah yang AWQAF gunakan dalam melaksanakan projek pertamanya di Putrajaya.

Waqaf Korporat® adalah satu inovasi yang mengintegrasikan institusi wakaf Islam secara langsung ke dalam sistem pembangunan ekonomi negara yang hari ini dilihat dipacu terutamanya oleh organisasi bisnes dan korporat swasta. Matlamat jangka panjangnya ialah menyeimbangkan sistem ekonomi yang didominasi oleh korporat milik swasta

"Menerusi hak milik amanah yang dipegang oleh Waqaf Korporat® bagi pihak mereka, rakyat majoriti dapat berkongsi manfaat penambahan nilai dan penjanaankekayaan melalui aktiviti korporat dan perniagaan yang mapan"



bertujuan memberi peluang kepada majoriti rakyat jelata mendapat akses dan manfaat yang saksama daripada perkembangan sektor bisnes dan korporat negara.

Menerusi hak milik amanah yang dipegang oleh Waqaf Korporat® bagi pihak mereka, rakyat majoriti dapat berkongsi manfaat penambahan nilai dan penjanaankekayaan melalui aktiviti korporat dan perniagaan yang mapan. Dengan cara ini sumber modal masyarakat dan komuniti Muslim khasnya dapat digembleng ke arah menangani kemiskinan, mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi dan mengekalkan kemakmuran masyarakat Islam melalui pendekatan berdasarkan bisnes, terutama dengan kaedah menggalakkan keusahawanan, menjana dan memperkaya peluang-peluang pekerjaan. Selain itu, institusi Waqaf Korporat® dapat menjamin pengekalan dan kelestarian hakmilik aset, bisnes dan harta korporat berpanjangan generasi demi generasi, memperkasa ekonomi ummah dan membina keupayaan korporat negara untuk bersaing di pasaran global yang didominasi korporat gergasi antarabangsa.

Dalam keadaan umat Islam sangat tertekan hari ini, adalah menjadi kewajipan mereka memulakan langkah untuk bertindak besar bertaraf satu jihad memobilisasi semua sumber untuk menjayakan pencapaian Maqasid Al Syari'ah - terutama apabila iman, diri (atau nyawa), akal, generasi dan harta kekayaan milik umat kelihatan semakin terhakis dan terancam. Sesungguhnya umat Islam tergugat dari segala sudut dalam bidang kehidupan, yang berpunca bukan sahaja daripada ancaman oleh musuh Islam dari luar, malahan juga kelemahan dalaman di kalangan umat. Antara lain, kelemahan ini juga berpunca daripada kerosakan masyarakat yang berlaku bukan sahaja akibat daripada faktor luaran, malahan juga kelemahan dan kealpaan dalaman di kalangan umat Islam sendiri.

Dalam konteks sistem ekonomi dunia yang berdasarkan bisnes, umat Islam telah ketinggalan jauh di belakang dan majoriti umat Islam berpanjangan hidup miskin. Di negara Islam yang maju ekonominya sekali pun, seperti Malaysia, majoriti Muslim miskin relatif, jauh di belakang dari segi pendapatan dan kekayaan berbanding dengan warganegara bukan Islam, terperangkap dalam kongkongan berpendapatan sederhana dan sebahagian besar tidak berdikari, berkelangsungan bergantung hidup terutama kepada kerajaan sendiri.

Keadaan ini timbul terutama disebabkan oleh kegagalan umat menyambut seruan agama mereka menjadikan perniagaan atau bisnes "sembilan persepuhlur" daripada sumber rezeki. Juga, kegagalan mereka membina keupayaan untuk bersaing dalam bisnes secara teratur dan berorganisasi. Waqaf Korporat® bertujuan khas mengatasi kelemahan organisasi dengan memperkasakan ekonomi ummah

menggunakan institusi wakaf warisan Islam. Kaedah wakaf turut memangkinkan proses memperkasa ekonomi umat dilakukan tanpa menambahkan lagi kerosakan kepada masyarakat dan tamadun, iaitu dengan menegakkan amanah dan keadilan sebagai teras peradaban tinggi Islam. Selain itu, wakaf memangkinkan kaedah inklusif tanpa mengenepikan sesiapa, terutama golongan majoriti berpendapatan rendah dan sedehana yang umumnya dipinggirkan oleh sistem ekonomi kapitalis global yang dipacu bisnes dan korporat hari ini.

Ditubuhkan sebagai sebuah wakaf, Waqaf Korporat® boleh bertindak sebagai sebuah institusi berasaskan komuniti yang menggerakkan sumber-sumber komuniti untuk menjadi peneraju utama bagi kejayaan bisnes mapan milik komuniti. Antara faktor-faktor kritikal yang menjadi pra-syarat kepada kejayaan Waqaf Korporat® adalah penubuhannya sebagai organisasi bermatlamatkan bisnes sepenuhnya. Struktur korporat dan sistem pengurusannya wajib menggunakan pakai amalan tadbir urus korporat terbaik selain menentukan ia diterajui oleh eksekutif berdaya keusahawanan entrepreneur pada setiap masa.

Sebagai sebuah badan korporat berasaskan bisnes yang mesra pasaran, AWQAF tidak berhasrat bertindak eksklusif hanya membabitkan warga Islam dalam aktiviti-aktiviti bisnesnya, malah perlu mengambil kira suasana masyarakat majmuk pelbagai kaum dan agama. Oleh itu, sekali pun menggunakan institusi wakaf Islam, tumpuan bisnes dan korporat wajar fokus kepada memanfaatkan sepenuhnya keahlian dan kepakaran unggul dan terbaik tanpa mengira kaum dan keturunan, terutama dalam menggembungkan daya keusahawanan atau

entrepreneurship berkeupayaan tinggi.

Satu kelebihan strategik terdapat pada institusi Waqaf Korporat® ialah pengekalan hak miliknya. Ciri ini sangat penting untuk membanteras kebocoran dan hakisan aset dan bisnes milik Melayu dan umat Islam terutama yang berluasa berlaku setelah Dasar Penswastaan diperkenalkan. Penswastaan kepada badan Waqaf Korporat® satu pilihan terbaik yang perlu kerajaan utamakan kerana ia tidak membabitkan pindahan kepentingan kepada individu yang mudah terlepas tangan. Lagi pun penswastaan konvensional sering dianggap sebagai suatu perbuatan "memindahkan kekayaan milik amanah majoriti golongan miskin untuk manfaat segelintir orang kaya". Kaedah penswastaan begini wajar dikaji semula kerana ia pasti mengakibatkan pelebaran jurang kaya-miskin, selain berpotensi menghakiskan hak milik negara jika akhirnya terlepas pula pemilikannya kepada warga atau korporat asing termasuk MNC global.

Penswastaan aset dan bisnes milik GLC atau kerajaan kepada Waqaf Korporat® sangat wajar kerana badan Waqaf Korporat® bukan milik kerajaan. Lagi pun langkah ini menyumbang secara langsung kepada memperkasakan rakyat jelata dan golongan bukan korporat, sekali gus merapatkan jurang ekonomi, menambah modal sosial selain membangkitkan kepercayaan rakyat membulatkan perpaduan bangsa.

Sama seperti wakaf tradisional untuk tujuan kebajikan, Waqaf Korporat® juga berpotensi menyeimbangkan ekonomi supaya lebih adil, saksama dan prihatin. Bila sampai kepada tahapnya nanti, rangkaian institusi Waqaf Korporat® dijangka dapat membiayai dan menyokong program pembangunan sosial

oleh mana-mana NGO. Ianya berupaya mengembangkan program kebajikan berimpak tinggi dan berkelangsungan yang juga tidak eksklusif, malah membawa manfaat untuk semua golongan rakyat miskin dari kalangan semua kaum, peringkat kelas dan pendapatan.

Waqaf Korporat® adalah inovasi institusi yang bukan hanya terhad kepada mengurus saham -saham yang diwakafkan oleh masyarakat Islam, iaitu satu kaedah wakaf saham yang telah diperkenalkan dalam dunia Islam dari sejak tahun 1900-an lagi. Ia juga berperanan lebih luas berbanding penubuhan yayasan atau badan wakaf anjuran syarikat swasta atau badan korporat untuk tujuan CSR atau kebajikan yang banyak terdapat hari ini. Organisasi Waqaf Korporat® mesti beridentiti korporat dan berkuasa autonomi sepenuhnya, menjana keupayaan ekonominya sendiri, tertakluk kepada peruntukan kuasa dalam Memorandum dan Artikelnya ("M&A"). Susunan organisasinya juga perlu distrukturkan supaya berkeupayaan tinggi dan berkelangsungan menentukan masa hadapannya sendiri di bawah bimbingan pengasas dan ahli-ahli Lembaga Pengarah yang bijaksana, berwibawa dan berpengalaman dalam bisnes mengikut kaedah korporat.

Tegasnya, Waqaf Korporat® adalah institusi unik yang sangat berbeza dengan yayasan atau badan amanah yang ditubuhkan oleh syarikat-syarikat milik swasta. Perbezaan paling asas ialah hakikat bahawa Waqaf Korporat® bukan dimiliki oleh mana-mana entiti swasta atau golongan eksklusif korporat tertentu. Oleh itu, Waqaf Korporat® tidak bergantung masa depannya kepada sumbangan, anjuran atau ihsan kepentingan peribadi individu atau korporat tertentu. Banyak yayasan atau

badan amanah dan badan-badan amal hari ini terus menerus bergantung kepada kemurahan hati dan keikhlasan penderma dan penaung korporat masing-masing yang kadang kala mendedahkan mereka kepada pasang-surut keupayaan penderma menyumbang dan menderma.

### **Mencapai aras kecemerlangan baru**

Alhamdulillah, sejak dari penubuhan AWQAF, pelbagai aktiviti telah dijalankan bagi memberi pencerahan berkenaan Waqaf Korporat®, pendedahan dan pendidikan serta dakwah berterusan berhubung manfaat Waqaf Korporat® kepada masyarakat khususnya dan implikasi kepada ekonomi negara secara amnya. Kesedaran dan pengetahuan masyarakat telah diterjemahkan dengan penerimaan dana waqaf bagi Tahun Kewangan 2015 sebanyak RM1 juta dan sehingga ke tarikh Laporan Tahunan ini dikeluarkan, jumlah dana waqaf yang diterima adalah sebanyak RM1.8 juta. Kesemua pewaqif – pewaqif ini diiktiraf sebagai ahli AWQAF. Bagi pihak AWQAF, kami bersyukur dan berterima kasih di atas amanah dan kepercayaan yang diberikan oleh ahli – ahli ini dalam menguruskan dana waqaf tersebut.

Bagi meneruskan manfaat dana waqaf ini, pihak AWQAF telah melabur dalam industri harta tanah dengan pembelian 2.2 ekar tanah di Presint 3 Putrajaya. Pada 26 March, 2015, AWQAF telah menandatangi satu Perjanjian pembelian tanah bersama Putrajaya Holdings Sdn Bhd (“PJH”), yang sekali gus menandakan komitmen AWQAF membangunkan projek pertamanya di Putrajaya. Berdasarkan perjanjian tersebut, AWQAF segera bertindak meletakkan asas pelaburannya ke dalam projek pembangunan harta tanah komersil pertamanya, iaitu PERSADA AWQAF.

Projek ini terletak di lokasi strategik iaitu di pusat komersil utama Putrajaya berhadapan Masjid Tuanku Mizan Putrajaya. Projek ini dijangka akan membabitkan nilai kasar pembangunan (“GDV”) berjumlah RM376 juta.

Model bisnes yang berdaya maju menggabungkan dan merealisasikan kedua-dua matlamat wakaf dengan matlamat bisnes/korporat telah berjaya dibangunkan oleh AWQAF. Model bisnes ini disimpulkan ke dalam slogan AWQAF “Wakaf Untuk Bisnes. Bisnes Untuk Wakaf.”

### **Mendekati masyarakat dan menghulurkan bantuan**

AWQAF juga tidak ketinggalan dalam menjayakan salah satu Maqasid Syariah iaitu pemeliharaan keturunan. Sehubungan dengan itu AWQAF telah menubuhkan waqaf khas ZuriatCARE yang dipertanggungjawab mengendalikan program amal fi sabillah AWQAF. Ianya yang diwujudkan khas untuk menangani dan mengurangkan fenomena pembuangan bayi yang dilihat semakin kritikal sehingga membimbangkan masyarakat Malaysia. Antara lain, ZuriatCARE akan bertindak memberi sokongan dan bekerjasama rapat dengan NGO yang sedia aktif dalam menangani fenomena ini di seluruh Malaysia.

Saya juga amat bersyukur kerana pada hari pertama penubuhan, Waqaf khas ZuriatCARE ini telah berjaya menerima dana waqaf sebanyak RM132,000 dan jumlah tersebut telah meningkat kepada RM151,550 pada Tahun Kewangan 2015. Sehingga tarikh Laporan Tahunan ini dikeluarkan, waqaf ZuiratCARE telah menerima dana dari masyarakat sebanyak RM154,053.

Seperti yang sedia maklum, salah satu ciri – ciri Waqaf Korporat® adalah mengumpul dan memelihara sumber (*accumulate & conserve resources*) yang mana ianya dilaksanakan melalui pembahagian keuntungan bersih perniagaan kepada dua bahagian iaitu 70% daripada keuntungan dilaburkan semula dan 30% lagi disalurkan kepada aktiviti fi sabillah. Oleh yang demikian jangkaan keuntungan daripada pelaburan projek PERSADA AWQAF akan meningkatkan lagi sumber dana kepada waqaf khas ZuriatCARE ini dan seterusnya mengaktifkan lagi penglibatannya bersama masyarakat.

Bagi memanfaatkan dana waqaf khas ZuriatCARE ini, sepanjang Tahun Kewangan 2015 beberapa aktiviti kebajikan telah dilaksanakan antaranya kerjasama dengan Dewan Perdagangan Islam Malaysia cawangan Putrajaya, NGO Seed dan Hafizah Hana & Associates menjayakan program iftar cahaya Ramadhan pada 10 Julai 2015 bagi meraikan 80 anak – anak daripada Yayasan Chow Kit dan Rumah Anak Yatim dan Asnaf As Solihin Kanchung Darat.

Selain itu ZuriatCARE telah membuat lawatan ke Pusat Bimbingan Remaja Raudhatus Sakinah dan Pusat Perindungan Wanita Dar Assa' Adah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Kesinambungan daripada lawatan tersebut, ZuriatCARE telah mewujudkan satu kolaborasi strategik bersama Raudhatus Sakinah dalam usaha memberi kesedaran dan bimbingan kepada para remaja perempuan dan wanita.

Kolaborasi ini telah diteruskan pada tahun 2016 ini dengan penganjuran beberapa program – program kesedaran meliputi pelbagai lapisan masyarakat termasuk pelajar pelajar peringkat sekolah, peringkat Universiti dan masyarakat

secara keseluruhan. Program – program ini termasuklah Forum Umum, bengkel kesedaran peringkat sekolah dan seminar kesedaran peringkat Universiti. Insya Allah program – program ini akan diteruskan dan kerjasama di peringkat lebih tinggi akan diusahakan bagi menangani isu – isu sosial dikalangan remaja.

### Fokus tahun 2015

Ke arah menuju aras kecemerlangan baru, AWQAF mensasarkan pulangan mampan dan berterusan menerusi pelaburan strategik didalam industri hartanah pertamanya. Dengan anggaran pendapatan bersih secara keseluruhan sebanyak RM60 juta, saya yakin AWQAF mampu menjana pulangan yang kompetitif dan meneruskan pelaburan ke dalam industri yang sama dan juga industri – industri strategik lain yang mempunyai kepentingan yang besar terhadap masyarakat.

Sepanjang Tahun Kewangan 2015, aktiviti AWQAF lebih berpusat kepada pembangunan PERSADA AWQAF dan kempen kesedaran dan pendidikan tentang manfaat dan implikasi waqaf kepada ekonomi dan juga masyarakat. Sehubungan dengan itu kerjasama dengan beberapa Perunding yang berkaitan dengan pembangunan PERSADA AWQAF dimulakan bagi mendapatkan kelulusan merancang bagi pendirian bangunan daripada Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Perbadanan Putrajaya. Ini termasuklah dengan pihak pengurus projek, arkitek, juruukur tanah dan bahan, jurutera mekanikal, elektrikal dan infrastruktur, perancang bandar dan rakan strategik pemasaran. Alhamdulillah kesinambungan daripada usaha berterusan ini, pada 5 September 2016 melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (“OSC”), Perbadanan Putrajaya,

AWQAF telah berjaya mendapatkan kelulusan pembangunan PERSADA AWQAF. Tahniah dan terima kasih atas usaha yang berterusan ini.

AWQAF juga aktif dalam perkongsian ilmu dan kempen kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat berkenaan Waqaf Korporat®. Sepanjang tahun 2015, pelbagai program telah dilaksanakan melalui pelbagai saluran yang efektif dalam menyampaikan informasi. Antaranya adalah sesi penerangan Waqaf Korporat® kepada institusi – institusi korporat, agensi kerajaan dan institusi pendidikan. Perkongsian agenda Waqaf Korporat® juga dijalankan melalui media antaranya RTM, BFM radio, dan penulisan berkenaan Waqaf Korporat® di media cetak. Program – program seperti ini akan diteruskan dari semasa ke semasa.

### **Penghargaan**

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya mencatitkan setinggi penghargaan khas kepada ahli-ahli pengasas AWQAF di atas keyakinan dan kepercayaan terhadap konsep institusi Waqaf Korporat® serta sokongan awal mereka terhadap penubuhan AWQAF. Tanpa keyakinan dan kepercayaan awal mereka adalah mustahil penubuhan AWQAF dapat direalisasikan.

Ahli - ahli pengasas tersebut adalah:-

- Tengku Tan Sri Dato Seri Dr. Ahmad Rithaudeen Tengku Ismail.  
[Mantan Presiden, Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM)]
- Mohammad Sahar Mat Din.  
[Timbalan Presiden, DPIM]
- Tan Sri Siti Sa'diah Sheikh Bakir  
[Mantan CEO KPJ Healthcare Bhd]

- Dato' Hussamuddin Yaacub  
[CEO, Kumpulan Media Karangkraf]

Saya juga merekodkan rasa terhutang budi yang berkekalan kepada Pengurus serta ahli-ahli Majlis Agama Islam Negeri Sembilan yang telah secara rasminya melantik AWQAF sebagai Mutawalli Waqaf Korporat®. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ahli, kepimpinan serta semua pejuang Dewan Perdagangan Islam Malaysia (“DPIM”) di seluruh negara yang telah mengambil keputusan berani memecah laluan baharu menubuhkan AWQAF sebagai sebuah syarikat berhad menurut jaminan.

Di kesempatan ini saya ingin mengalu – alukan kedatangan dan perlantikan ahli – ahli Lembaga Pengarah yang baru dilantik sepanjang Tahun Kewangan 2015 antaranya Tan Sri Siti Sa'diah Sh Bakir, Dato' Dr. Ghazali Dato' Mohd Yusoff, Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali, Abdul Mohsein Mohd Sharif dan Azizah Abdul Rahman. Saya yakin dengan komposisi Lembaga Pengarah ini mampu untuk menggembungkan tenaga menjayakan agenda Waqaf Korporat® ini. Tidak dilupakan juga setinggi penghargaan kepada ahli – ahli Lembaga Pengarah yang bersara iaitu Nik Mohd Yusoff Nik Ismail, Sharipuddin Muis dan Muhammad Tahir Hashim. Sumbangan mereka amat besar dalam penubuhan AWQAF dan sangat dihargai.

Penghargaan juga kepada pihak pengurusan AWQAF dan anggota atas usaha mengembangkan agenda Waqaf Korporat® dan para konsultan PERSADA AWQAF diatas usaha menjayakan projek pelaburan harta ini. Dengan sumbangan dan sikap dedikasi semua

pihak yang terlibat ini, saya yakin AWQAF akan terus berada di atas landasan yang tepat ke arah pencapaian yang lebih gemilang, InsyaAllah.

Akhirnya setinggi penghargaan kepada ahli – ahli AWQAF diatas kepercayaan dan amanah yang diberikan kepada AWQAF dalam memperjuangkan Jihad Bisnes dan agenda Waqaf Korporat®. Saya yakin sokongan padu yang diberikan oleh ahli – ahli AWQAF mampu untuk menjayakan perjuangan ini.

Akhir kata, saya mengharapkan agar seluruh warga kerja AWQAF dapat memberikan komitmen yang terbaik dan bekerja dalam satu kumpulan yang proaktif bagi memastikan AWQAF menjadi salah satu institusi yang bergerak maju dan berdaya saing selaras dengan slogan AWQAF "Wakaf Untuk Bisnes. Bisnes Untuk Wakaf."

***Tan Sri Muhammad Ali Hashim,  
Pengerusi,***


# Ciri – Ciri Waqaf Korporat®

Daripada perspektif Awqaf Holdings Berhad (“AWQAF”) terdapat lapan ciri-ciri asas Waqaf Korporat®. Konsep institusi “Waqaf Korporat®” dengan lapan ciri-ciri penentu telah didaftarkan sebagai harta intelek, yang mana hak-hak ini telah dilesenkan kepada AWQAF, bertujuan terutamanya mengelakkan Waqaf Korporat® daripada diciplak tanpa menepati ciri-ciri asas yang wajib ada padanya.

Lapan ciri-ciri utama adalah seperti berikut:-

1. Waqaf Korporat® mesti ditubuhkan sebagai sebuah Syarikat (di Malaysia didaftarkan di bawah Akta Syarikat), sebaik-baiknya sebagai sebuah Syarikat yang dihadkan oleh jaminan seperti dalam kedua-dua kes WANCorp dan AWQAF. Melalui kaedah ini, Waqaf Korporat® ditaklukkan kepada semua peruntukan undang-undang yang terpakai bagi sebuah syarikat. Memorandum dan Artikel (M&A) Syarikat adalah satu instrumen penting yang mesti diolah dan dirangka menepati matlamat penubuhan Waqaf Korporat selain mematuhi sepenuhnya prinsip-prinsip Syariah berhubung wakaf dan mencerminkan objektif dan aspirasi tinggi dan mulia sesuatu wakaf;
2. Syarikat yang dijadikan Waqaf Korporat®, mesti juga secara rasmi diiktiraf sebagai mutawalli oleh suatu pihak berkuasa agama Islam (dalam kes WANCorp's oleh Majlis Agama Islam Johor, dan AWQAF oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan). Pengiktirafan ini memberi kuasa kepada Syarikat Waqaf Korporat® untuk menerima sumbangan wakaf awam, mengikut kaedah yang diperuntukkan di dalam M&A Syarikat dan selaras sepenuhnya dengan terma-terma dan syarat-syarat wakaf. Syarat-syarat ini boleh diperincikan sama ada dalam surat perlantikan rasmi Majlis atau dimasukkan ke dalam perjanjian rasmi yang boleh dimeterai antara Syarikat Waqaf Korporat® dengan pihak berkuasa agama Islam terbabit;
3. Sebagai sebuah Waqaf Korporat®, Syarikat mesti diberi kuasa untuk menerima sumbangan orang awam, institusi, GLC atau kerajaan dalam bentuk wang tunai, saham, bisnes, aset fizikal termasuk harta tanah dan bangunan-bangunan atau aset tak ketara seperti harta intelek (IP). Aset-aset fizikal seperti tanah dan harta tidak semestinya didaftarkan sebagai harta wakaf oleh Syarikat Waqaf Korporat®;
4. Sebagai sebuah Waqaf Korporat®, Syarikat mestilah pada setiap masa mendukung dan mematuhi prinsip-prinsip perniagaan dan mengamalkan amalan korporat, menjalankan usahaniaga menggunakan kaedah amalan bisnes terbaik. Kunci kejayaan Waqaf Korporat® terletak pada keupayaannya menggembung bakat keusahawanan atau entrepreneurship terbaik untuk mengembangkan dan melangsungkan bisnes, menjana dan mempercambah peluang bisnes baru terutamanya untuk melahirkan usahawan-usahawan dari golongan warga berkeupayaan tinggi tetapi tidak mendapat akses kepada modal atau dokongan rangkaian korporat;

5. Berbeza dengan wakaf konvensional yang ditubuhkan pada umumnya untuk tujuan kebajikan semata-mata, Waqaf Korporat® hanya boleh mencapai matlamat jangka panjangnya memperkasa ekonomi bangsa dan umat dengan memberi keutamaan lebih tinggi kepada usaha menghimpun dan melipatgandakan nilai jangka panjang aset dan harta korporat miliknya. Oleh itu, kedua-dua WANCORP dan AWQAF komited memperuntukkan 70 peratus keuntungan/lebihan tahunan masing-masing untuk dilaburkan semula dan tidak lebih daripada 30 peratus diagihkan untuk kebajikan atau fi sabilillah;
6. Ciri teras kepada sebuah Waqaf Korporat® adalah status autonominya, kerana wakaf mengikut syariat bukan merupakan entiti yang dimiliki atau mesti dikawal oleh kerajaan, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ia juga bukan satu entiti milik swasta tertentu mengikut amalan kapitalis konvensional. Untuk mengekalkan status autonomi, Syarikat Waqaf Korporat® hendaklah sentiasa dipimpin oleh personaliti berdaya keusahawanan tinggi atau entrepreneurial dan diuruskan secara profesional, berdikari dari segi kewangan dan mesti berprestasi bisnes tinggi menjana nilai jangkapanjang dengan melaksanakan strategi korporat cemerlang berlandaskan urus tadbir korporat berpiawaian tertinggi;
7. Satu lagi ciri penting Syarikat Waqaf Korporat® ialah keterbukaannya dalam menggalakkan penglibatan awam. Kedua-dua piagam WANCORP dan AWQAF mengandungi peruntukan yang membolehkan mana-mana orang Islam, syarikat, organisasi atau institusi awam yang diterajui Muslim untuk menjadi ahli individu atau ahli korporat dengan membayar yuran keahlian yang diwakaf berdasarkan terma yang ditetapkan. Tujuannya ialah untuk meluaskan peranan Waqaf Korporat® dan memasyarakatannya, mengamalkan disiplin akauntabiliti awam dan ketelusan korporat, dengan memberi sepenuh hak kepada ahli untuk menghadiri Mesyuarat, menerima Laporan Tahunan dan penyata akaun yang telah diaudit secara profesional, mengambil bahagian dalam perbincangan dan akhirnya menjalankan kuasa mengundi, termasuk melantik atau memberhentikan Pengarah Syarikat Waqaf Korporat®; dan
8. Paling penting akhirnya, Syarikat Waqaf Korporat® hendaklah pada setiap masa bertindak selaras dengan Syariah sepenuhnya, dan berjuang untuk merealisasikan matlamat Maqasid Al-Syariah, khususnya berhubung dengan harta kekayaan. Matlamat asas Syarikat Waqaf Korporat® ialah menjana kekayaan menerusi kaedah bisnes dan korporat untuk memakmur dan menyejahterakan masyarakat untuk manfaat berpanjangan semua umat manusia dan seluruh ciptaan alam. Kedua-dua WANCORP dan AWQAF turut menyatakan hasrat menjayakan matlamat “Jihad Bisnes”. Jihad Bisnes adalah suatu ideal bertujuan menggembung tenaga rohaniah Islam, menjadikannya sumber motivasi luar biasa untuk membakar semangat juang keusahawanan hebat menuju kejayaan.



# Ulasan Operasi

2015 merupakan tahun yang dilatari dengan pelbagai peristiwa dan isu. Antara yang menarik perhatian adalah cabaran ekonomi dan pasaran di peringkat global. Di Malaysia, cabaran ekonomi yang utama adalah menguruskan keadaan pasaran komoditi global yang jatuh menjunam dan mengheret harga minyak dan gas ke tahap terendah sejak bertahun-tahun. kemerosotan dalam keadaan ekonomi luaran ini menjadi faktor utama penyusutan nilai ringgit.

Bagi Awqaf Holdings Berhad (“AWQAF”), tahun 2015 adalah satu permulaan bagi sebuah perjalanan yang masih panjang. Melihat kepada keadaan ekonomi semasa sama ada di peringkat global mahu pun di Malaysia sendiri, sudah tiba waktunya untuk satu rangka kerja penyusunan semula ekonomi Malaysia amat diperlukan. Sehubungan dengan itu, AWQAF yang diterajui oleh barisan kepimpinan yang mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang perniagaan, korporat dan ekonomi disertai dengan input dari segi Syariah Islam, ekonomi Islam dan undang – undang, telah membawa agenda transformasi ekonomi dengan mengetengahkan Waqaf Korporat® sebagai wadah perjuangan.

Alhamdulillah, dalam tahun pertama operasinya, pengasas AWQAF telah berjaya memperkuuhkan landasannya dan memantapkannya sebagai entiti Waqaf Korporat® selaras dengan ciri-ciri seperti yang telah diuraikan dalam Laporan Tahunan ini.

## Projek PERSADA AWQAF

Tanggal 26 March, 2015, AWQAF telah

menandatangani satu Perjanjian pembelian tanah bersama Putrajaya Holdings Sdn Bhd (“PJH”), yang sekali gus menandakan komitmen AWQAF membangunkan projek pertamanya di Putrajaya. AWQAF merakamkan setinggi penghargaan kepada Pengerusi dan Lembaga Pengarah PJH atas kepercayaan PJH terhadap AWQAF.

Projek PERSADA AWQAF ini terletak di lokasi strategik dengan keluasan tanah 2.2 ekar di Presint 3, Putrajaya, iaitu di pusat komersil utama Putrajaya (*Ilustrasi 1*). Projek tersebut dijangka akan membabitkan nilai kasar pembangunan (“GDV”) berjumlah RM376 juta.



(*Ilustrasi 1: Tapak pembangunan PERSADA AWQAF*)

Dalam tempoh dua bulan pertama sejak projek PERSADA AWQAF dirancang, AWQAF telah berjaya mengumpul RM3.5 juta iaitu sepuluh peratus deposit yang diperlukan untuk pembelian tanah dari PJH. Paling menggalakkan, lebih RM1 juta berjaya diperolehi melalui sumbangan wakaf oleh pengasas dan ahli-ahli peneroka AWQAF, dengan keperluan bayaran lain dibiayai melalui fi tempahan dan pembayaran pendahuluan jualan

hartanah komersil PERSADA AWQAF.

PERSADA AWQAF ini akan menempatkan 4 blok menara pejabat dan komersil meliputi Blok A yang mempunyai 10 tingkat untuk kegunaan pejabat dan komersil, Blok B yang mempunyai 8 tingkat untuk kegunaan pejabat, Blok C yang mempunyai 10 tingkat yang menempatkan konsep kediaman dan pejabat ("SoHo"), Blok D yang mempunyai 8 tingkat untuk kegunaan pejabat dan 2 tingkat tempat letak kereta di besmen dan 1 sub besmen tempat letak kereta seperti ilustrasi di bawah:



Ilustrasi 2 – Model Projek Pembangunan PERSADA AWQAF



(Ilustrasi 3: 4 Blok pejabat dan komersil)

Tanggungjawab ke atas pembangunan projek PERSADA AWQAF dan pengurusan jualan serta pemasaran dikontrakkan oleh AWQAF kepada Mekar PDP Sdn Bhd ("MPDP"), iaitu anak syarikat milik penuh Bulatan Mekar Sdn Bhd. Khidmat pengurusan ini dikontrakkan sementara AWQAF bertindak beransur-ansur membina keupayaan pengurusannya sendiri. Melalui kontrak tersebut, MPDP telah mengeluarkan pelan pembangunan keseluruhan projek pembangunan PERSADA AWQAF. Projek ini dijangkakan menelan belanja sebanyak RM314 juta dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2021.

Dalam aktiviti pemasaran pula, AWQAF telah mengadakan pelancaran pemulaan untuk pihak – pihak yang berminat melabur atau membeli ruang – ruang pejabat dan komersil di PERSADA AWQAF. Alhamdulillah, sepanjang Tahun Kewangan 2015, pihak MPDP sebagai perunding pemasaran telah berjaya memasarkan sebanyak 14 unit pejabat dan 3 unit komersil di Blok A dengan jumlah jualan sebanyak RM12 juta. Jumlah deposit yang diterima adalah sebanyak RM2.6 juta dan bayaran tempahan sebanyak RM50,000. Sehingga ke tarikh Laporan Tahunan ini dikeluarkan, pihak MPDP telah berjaya memasarkan sebanyak 26 unit pejabat dan 16 unit komersil di Blok A, iaitu 23% daripada jumlah keseluruhan unit di Blok A.

Dalam keadaan ekonomi yang mencabar, pihak MPDP berjaya mencapai jumlah yang memberansangkan dalam usaha memasarkan PERSADA AWQAF. Aktiviti – aktiviti pemasaran termasuklah pameran hartaanah, pengedaran risalah dalam pelbagai aktiviti seminar dan kempen kesedaran dan pendidikan AWQAF dan juga pengiklanan melalui Radio IKIM. Aktiviti – aktiviti pemasaran ini akan

diteruskan dari semasa ke semasa dalam usaha memasarkan keseluruhan PERSADA AWQAF. Buat masa ini, pihak MPDP sedang menyiapkan pengiklanan melalui papan tanda dan juga penggunaan pengangkutan awam seperti bas di sekitar Putrajaya.

### **Pembudayaan wakaf di kalangan masyarakat**

Waqaf Korporat® merupakan satu inovasi baru dalam usaha mentransformasikan ekonomi negara. Ianya merupakan suatu fenomena baru bagi rakyat Malaysia. Malah ia juga merupakan sebuah entiti yang belum pernah dikenali di dalam sektor korporat. Oleh yang demikian, pihak kepimpinan dan pengurusan AWQAF dituntut untuk memupuk kesedaran serta memperluaskan kefahaman masyarakat mengenai kewujudan institusi korporat terbaru ini. Justeru, fokus utama AWQAF sepanjang Tahun Kewangan 2015 ditumpukan terhadap usaha membangkitkan kesedaran awam, selain melaksanakan kesemua perkara yang perlu bagi mengukuhkan asas penubuhannya.

Sebahagian besar masa dan tenaga pengurusan AWQAF telah difokuskan kepada menjalankan program-program yang melibatkan pihak kerajaan, sektor awam dan swasta, syarikat dan organisasi, selain penganjuran wacana intelek bersama pihak universiti dan institusi ilmuan dan pendidikan.

Fokus utama aktiviti permulaan AWQAF di sepanjang Tahun Kewangan 2015 adalah seperti berikut:-

1. Mesyuarat Agung DPIM Ogos, 2014 meluluskan penubuhan Waqaf Korporat®.

2. Menubuhkan pejabat, menggerakkan kempen ahli, memperkuatkannya operasi serta pengurusan AWQAF.
3. Berjaya mendapat pengiktirafan rasmi Mutawalli pada 10 Disember, 2014.
4. Berjaya mobilisasi sumbangan awal wakaf.
5. Meletakkan asas membangunkan PERSADA AWQAF sebagai projek dan pelaburan pertama AWQAF.
6. Meletakkan asas untuk program ZuriatCARE di AWQAF.

Program – program perkongsian ilmu dan kesedaran dalam memupuk budaya waqaf dikalangan masyarakat diteruskan dalam tahun 2016. Sehingga tarikh Laporan Tahunan ini dikeluarkan, program – program yang dianjurkan dan disertai oleh AWQAF adalah seperti berikut:

No.	Company/Institutions	Date
1.	Pembentangan konsep Waqaf Korporat® di Perbadanan Putrajaya	21-01-2016
2.	Perbincangan dan perkongsian konsep Waqaf Korporat® bersama pengurusan Universiti Sains Malaysia	28-01-2016
3.	Mesyuarat Majlis Perundingan Islam (“MPI”) yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri	11-02-2016
4.	Perkongsian konsep Waqaf Korporat® bersama Mufti Sarawak dan Sabah di Kuching, Sarawak	16-02-2016
5.	Perkongsian konsep Waqaf Korporat® bersama Perunding wasiat Kausar Wealth Management	07-03-2016
6.	Perkongsian konsep Waqaf Korporat® bersama usahawan RJB Empire Group	13-03-2016
7.	Perbincangan berkenaan Waqaf Korporat® bersama tokoh korporat Tan Sri Azman Hashim – Pengurus Kumpulan Ambank	14-03-2016
8.	Perkongsian konsep Waqaf Korporat® bersama warga kerja Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)	21-03-2016
9.	Perbincangan berkenaan piawaian perakaunan zakat dan wakaf bersama pihak – pihak berkepentingan dan penyelidik dari institusi pendidikan yang dipengerusikan oleh Jabatan Akauntan Negara	30-03-2016
10.	Perbentangan dan perbincangan bersama Majlis Perundingan Melayu (“MPM”) & MARA	14-04-2016
11.	Perbincangan berkenaan pembangunan PERSADA AWQAF bersama Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor “(PKNS”)	16-04-2016
12.	Temubual berkenaan Waqaf Korporat® untuk segmen Business GRILL, BFM 89.9FM.	05-05-2016
13.	Perbincangan bersama KUISCELL Sdn Bhd, anak syarikat Kolej Universiti Islam Selangor berkenaan konsep Waqaf Korporat®	25-05-2016
14.	Temubual berkenaan Waqaf Korporat® di slot Biz Malaysia RTM (“TV1”)	08-06-2016
15.	Perkongsian konsep Waqaf Korporat® bersama pelajar – pelajar dan pensyarah International Centre for Education in Islamic Finance (“INCEIF”)	15-06-2016
16.	Perkongsian konsep Waqaf Korporat® bersama warga kerja dan pihak pengurusan Telaga Biru Sdn Bhd	16-06-2016
17.	The organization of discussions entitled "World Business, Investment Hereafter" and Iftar Ramadan at PKNS BizPoint.	18-06-2016
18.	Perbincangan kerjasama bersama Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM)	26-06-2016
19.	Perbincangan kerjasama bersama Tabung Waqaf Khas Kesihatan & Amanah Raya Berhad	26-07-2016

21.	Temubual Program "The World Economy" bersama IKIM.fm yang keudara setiap Isnin 12.30 petang	Aug – Dec 2016
22.	Syarahan Awam suku tahunan 2016 - IRCIEF - IRTI	11-08-2016
23.	Syarahan Awam berkenaan " <i>Enhancing the Role of Waqf in Revenue Generation the University –National University of Malaysia</i>	18-08-2016
24.	Simposium berkenaan " <i>Islamic Civilization at National University of Malaysia</i> ".	27-08-2016

### Rancangan masa depan

Bermula dari awal 2016 dan seterusnya AWQAF akan bergerak lebih aggresif dan menumpukan sumber dan tenaga kepada menjayakan perkara-perkara berikut:-

- Mendapatkan sumber pembiayaan dalam usaha membangunkan projek PERSADA AWQAF Putrajaya;
- Melancar pembinaan projek PERSADA AWQAF dengan mengadakan majlis pecah tanah yang dijadualkan pada penghujung 2016;
- Bertindak mengembangkan penerimaan institusi Waqaf Korporat® dan pembangunan projek harta tanah (mengikut model PERSADA AWQAF) di seluruh Malaysia, juga ke luar negara, khasnya negara-negara Islam lain;
- Mendampingi masyarakat awam dan korporat dalam usaha untuk berkongsi pandangan berkenaan Wakaf Korporat® serta menggerakkan kempen keahlian;
- Kempen melibatkan Kerajaan Negeri dan Persekutuan untuk menjadikan Waqaf Korporat® institusi arus perdana dalam agenda pembangunan negara;

- Terlibat dalam wacana intelektual dengan universiti-universiti, institusi akademik dan profesional dalam dan luar negara untuk mendapat persetujuan mengarusutamakan institusi Waqaf Korporat®.

Kejayaan dalam menjayakan pembangunan PERSADA AWQAF ini akan mengukuhkan lagi daya maju Waqaf Korporat® sebagai sebuah institusi transformasi masa depan sistem ekonomi Malaysia. Kita semua harus yakin bahawa Waqaf Korporat® berpotensi mengintegrasikan keseimbangan dan keadilan untuk akhirnya mentransformasi dan memperbaiki sistem ekonomi acuan kapitalis ekstrem yang merosakkan berpunca daripada sifat asasinya yang melampau rakus, individualistik dan nafsu-nafsi.


# *KEPIMPINAN*

# INFORMASI KORPORAT

Nama Syarikat	:	<b>AWQAF HOLDINGS BERHAD</b>
Tempat penubuhan	:	Selangor, Malaysia
Tarikh penubuhan	:	03 September 2012
Aktiviti Utama	:	Menguruskan Aset Wakaf dan
Pejabat Berdaftar	:	No. 3, Astanaz Kristal Court, Jalan Kristal 7/67B, Seksyen 7, Shah Alam, 40000 Selangor, Malaysia
Lokasi Utama Perniagaan	:	Suite 21, Level 1, PKNS BizPoint, No. 67B, Jalan Plumbeum P/7P, Seksyen 7, Shah Alam, 40000 Selangor, Malaysia Tel: +603-5566 8544 Fax: +603-5511 2613 Website : <a href="http://www.awqaf.com.my">www.awqaf.com.my</a>
Lembaga Pengarah	:	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Tan Sri Muhammad Ali Hj Hashim (<i>Chairman</i>)</li><li>2. Haji Mohammad Sahar Mat Din (<i>Deputy Chairman</i>)</li><li>3. Tan Sri Siti Sa'diah bt. Sheikh Bakir (<i>Independent Director</i>)</li><li>4. Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiyah bt. Engku Ali; (<i>Syari'ah Advisor cum Independent Director</i>)</li><li>5. Azizah bt. Abdul Rahman (<i>Independent Director</i>)</li><li>6. Dato' Seri Hj. Muhamad Khanafi bin Husin (<i>Director</i>)</li><li>7. Abdul Mohsein Mohd Shariff (<i>Director</i>)</li><li>8. Dato' Dr. Mohamed Ghazali bin Dato' Mohamed Yusoff (<i>Independent Director</i>)</li></ol>
Setiausaha Syarikat	:	Norhana binti Ramli (BC/N/1815)
Pengurusan	:	Hafidzamzahry bin Othman (Chief Financial Officer)

Audit Committee	: 1. Tan Sri Siti Sa'diah bt. Sheikh Bakir – Chairman 2. Azizah bt. Abdul Rahman - Member 3. Abdul Mohsein Mohd Shariff - Member
ZuriatCARE Committee	: 1. Tan Sri Siti Sa'diah bt. Sheikh Bakir – Chairman 2. Haji Mohammad Sahar Mat Din - Member 3. Puan Norhana binti Ramli – Member 4. Ezlin Farhana Bt Muliani - Member 5. Syara Aqilah Bt Sakdon – Member 6. Siti Nursyahirah Nabila Bt Shamsudin – Member
Auditor	: Messrs Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AFTAAS / AF : 1300) 4-04-2, Presint Alami, Pusat Perniagaan Worldwide 2, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor
Penasihat undang - undang	: Hafizah Hana & Associates No. 117, Level 1, Block 3, Laman Seri Business Park, Jalan Persiaran Sukan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor
Bank Utama	: Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) Putrajaya Branch Blok E 16, Parcel E, Anjung Perdana, Presint 1, 62000 Putrajaya

# Struktur organisasi



# Pengasas



**Tan Sri Muhammad Ali Hashim**, 69 tahun merupakan Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM) dan Pengurus Lembaga Pengarah AWQAF Holdings Berhad. Beliau juga merupakan Ahli (Ketua Kluster - Seksyen Ekonomi) Majlis Perundingan Islam (MPI).

Tan Sri Muhammad Ali merupakan Pengasas dan bekas Pengurus Waqaf An Nur Corporation Bhd, (WANCorp), yang ditubuhkan sebagai institusi Wakaf Korporat di Malaysia.

Beliau juga merupakan bekas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Johor Corporation (JCorp) selama lebih 28 tahun (Januari 1982- Julai 2010) . Di bawah kepimpinan beliau; Kumpulan JCorp berjaya membina sebuah organisasi korporat terbesar Malaysia, yang melibatkan lebih daripada 280 syarikat (8 tersenarai di Bursa Malaysia, satu di Bursa Saham London) dan mempunyai lebih daripada 65,000 pekerja. Beliau pernah memenangi Anugerah Maal Hijrah yang disampaikan oleh SPB Yang Dipertuan Agong Malaysia pada tahun 1428H / 2007 atas sumbangaan beliau kepada pembangunan keusahawanan dan kedudukan ekonomi Ummah. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1969 dan menyertai Program Eksekutif Kanan di Universiti Stanford, Amerika Syarikat pada tahun 1985. Kini, beliau menyandang kerusi Timbalan Pengurus Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

**Mohammad Sahar Mat Din**, 46 tahun merupakan Timbalan Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM), dan memegang jawatan Timbalan Pengurus Lembaga Pengarah AWQAF Holdings Bhd.

Beliau merupakan ahli Lembaga Pengarah Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) sejak November 2013 dan juga Presiden Alumni UniSZA sejak Julai 2013. Beliau juga merupakan Presiden Persatuan Pemaju Hartanah Selangor Bumiputera, Ahli Majlis Perundingan Islam (MPI) untuk sesi 2016-2018, Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Amal Bestari dan Ahli Majlis Dakwah Negara - YADIM.



Beliau merupakan graduan Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) yang kini dikenali sebagai UniSZA di dalam bidang Pengajian Islam (Dakwah) dan kemudiannya melanjutkan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan di Universiti Honolulu.



**YBM Tengku Sri Maharaja Tengku Tan Sri Ahmad Rithauddeen Ibni Yam Tengku Mek Haji Ismail** telah dilahirkan pada 24 Januari 1932 di Kelantan. Beliau memperoleh ijazah undang-undang daripada Universiti Nottingham, United Kingdom pada tahun 1954. Kemudiannya memperoleh Ijazah Barrister-at-Law daripada Lincoln's Inn, London dan memulakan karier sebagai majistret di Ipoh, Perak (1956 - 1958). Beliau pernah menjadi Peguam Persekutuan

Timbalan Pendakwa Raya (DPP) di Kuala Lumpur dan Peguam Persekutuan Kanan Penasihat Undang-undang Negeri Kelatan.

Memulakan karier politik seawal usia 33 tahun sebagai Ahli Parlimen Kota Bharu Kelantan (1965-1990). Beliau merupakan seorang ahli politik Malaysia yang terkenal yang pernah memegang pelbagai jawatan kerajaan sepanjang karier beliau, antaranya pernah memegang jawatan Timbalan Menteri Pertahanan pada tahun 1970, menjadi Menteri Tugas Khas dalam Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1973 di usia 41 tahun. Beliau juga kemudiannya dilantik menjadi Menteri Penerangan dan Tugas Khas pada tahun 1974 dan seterusnya menjadi Menteri Pertahanan dan Menteri Luar Negeri pada tahun 1978 sehingga tahun 1981. Pada tahun 1981, beliau telah dilantik menjadi Menteri Perdagangan dan Industri.

Beliau telah dianugerahkan anugerah Seri Paduka Mahkota Perlis (S.P.M.P.), yang membawa gelaran Datuk pada tahun 1976. Pada usia 73 tahun, iaitu pada 16 September 2005 beliau telah menerima Anugerah Duta Keamanan pada Hari Keamanan Dunia. Selain itu, YBM Tengku Tan Sri Ahmad Rithauddeen pernah menyandang kerusi Pro-Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sehingga 2004. Beliau juga pernah menjadi pengurus Yayasan Tuanku Syed Sirajuddin pada tahun 2004. Pada tahun 1999, di usia 67 tahun, beliau dipilih menggantotai Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (MAPEN II), juga menjadi penasihat kepada KPMG-Peat Marwick, penasihat Undang-undang kepada Lee & Kee Securities dan turut menjadi Penasihat Kehormat kepada Old Frees Association (OFA) sehingga 2001. Merupakan kerabat diraja Kelantan dan cucu kepada Sultan Patani terakhir, Sultan Abdul Kadir Kamarudin Syah.

**Datuk Hussamuddin Yaacub** adalah Editor Pengurusan Sinar Harian dan merupakan pemilik Kumpulan Karangkraf Sdn Bhd yang juga penerbit majalah dan akhbar terbesar di Malaysia. Datuk Hussamuddin Yaacub mendapat ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1978. Beliau menerima anugerah kurniaan Dato' oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang pada November 2007 di atas sumbangannya dalam bidang penerbitan dan kerjayanya selama ini.

Beliau pernah menerbitkan sebuah buku 'Kajian Sejarah Melayu' pada tahun 1977, dari saat itu bermulanya sejarah gemilang Kumpulan Karangkraf Sdn Bhd (Karangkraf). Sumbangan dan kerja keras Dato' Hushamuddin Yaacob membangunkan Karangkraf Sdn.Bhd. memungkinkan lahirnya pelbagai golongan penulis dan sasterawan yang menyumbangkan tulisan-tulisannya dalam pelbagai akhbar, majalah ,buku, novel dan penerbitannya. Dato' Hussamuddin Yaacub menggerakkan penubuhan Yayasan Nur Karangkraf yang bertujuan memberi bantuan kewangan kepada ibu tunggal dan golongan tidak bernasib baik. Beliau dan syarikatnya juga menubuhkan Dana Pendidikan Karangkraf yang bakal menaja 300 orang pelajar pada setiap sebagai bantuan meringankan kesulitan sepanjang pembelanjaran pelajar-pelajar ini.



**Tan Sri Datin Paduka Siti Sadiah Sheikh Bakir**, berusia 63 tahun, adalah pengarah bebas AWQAF Holdings Berhad, yang juga merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif KPJ Healthcare Berhad (KPJ), dilantik semula pada 1 Mei 2015, dari, Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif. Tan Sri berkhidmat sebagai Pengarah Urusan KPJ pada 1 Mac 1993 sehingga persaraan beliau pada 31 Disember 2012. Dari 1 Januari 2013 sehingga 31 Disember 2014, beliau berkhidmat sebagai Penasihat Korporat KPJ.

Beliau adalah Pengerusi dan Pro-Canselor KPJ University College Healthcare (KPJUC)

sejak 1 Ogos 2011 hingga kini. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Henley Business School, University of Reading, London, United Kingdom.

Kerjayanya dengan Johor Corporation (JCorp) telah bermula pada tahun 1974 dan telah terlibat secara langsung di Bahagian Prisihatin JCorp sejak 1978. Beliau dilantik sebagai Ketua Eksekutif Kumpulan Perubatan (Johor) Sdn Bhd (KPJSB), dari tahun 1989 hingga penyenaraian KPJ pada bulan November 1994.

Tan Sri kini beliau merupakan Pengarah Kulim (M) Berhad, Chemical Company of Malaysia Berhad (CCM) dan CCM Duopharma Biotech Berhad. Beliau berkhidmat dalam Lembaga Damansara REIT Managers Sdn Berhad - Pengurus Al-'Aqar REIT Penjagaan Kesihatan dan Al-Salam REIT, dari tahun 2006 sehingga Mac 2016. Tan Sri juga merupakan Pengarah KFC bentuk (Holdings) Bhd dan QSR Brands 2010 sehingga penswastaan mereka pada tahun 2013. Beliau adalah Pengarah Bukan Eksekutif bebas daripada bentuk Bursa Malaysia 2004-2012 dan ahli Lembaga Pengarah MATRADE 1999-2010.

Komit untuk menggalakkan kecemerlangan dalam penjagaan kesihatan, Tan Sri adalah Presiden Malaysia Persatuan Kualiti Kesihatan (MSQH), badan akreditasi kebangsaan bagi perkhidmatan penjagaan kesihatan, yang dipilih sejak penubuhannya pada tahun 1997 sehingga kini. Pada masa ini, beliau juga menganggotai banyak majlis-majlis dan jawatankuasa lain di peringkat kebangsaan.

Pada tahun 2010, Tan Sri telah dinamakan sebagai 'Ketua Pegawai Eksekutif tahun 2009' oleh New Straits Times Press dan American Express. Beliau juga telah menerima banyak anugerah dan penghargaan dari 2011 hingga 2015, kerana sumbangan beliau kepada industri penjagaan kesihatan di Malaysia.

Beliau melancarkan biografi beliau yang bertajuk "Siti Sa'diah: Didorong oleh Visi, Misi dan Passion ' tulisan Profesor Rokiah Talib, Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2013.

Tan Sri adalah ahli Jawatankuasa Akademik Razak School of Government (RSOG), dan menganggotai beberapa Jawatankuasa University, iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Reading Malaysia. Beliau dilantik sebagai Pengarah UUM pada Januari 2016. Terkini, beliau dilantik sebagai Pengurus Lembaga Pengarah Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk tempoh tiga tahun berkuatkuasa 1 Jun 2016 hingga 31 Mei 2019.

# Ahli Lembaga Pengarah



**Tan Sri Muhammad Ali Hashim  
(Pengerusi)**

**Mohammad Sahar Mat Din  
(Timbalan Pengerusi)**



**Tan Sri Datin Paduka Siti  
Sadiyah Sheikh Bakir  
(Pengarah Bebas Bukan  
Eksekutif)**



**Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah**, 48 tahun merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (LLB) (Kepujian) kelas pertama dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Ijazah Sarjana Muda (LLB) (Syariah) kelas pertama dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau turut memiliki Sarjana Undang-Undang Perbandingan (MCL) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, PhD dalam Undang-undang, University of Aberdeen, Scotland, United Kingdom, Masters Perbandingan Undang-undang (MCL) dari universiti yang sama.

Beliau telah dianugerahkan PhD dalam undang-undang dari University of Aberdeen, United Kingdom. Profesor di UIAM Institut Perbankan dan Kewangan Islam (IiBF), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Mengajar pasaran modal Islam, Urusniaga dalam Perbankan dan Kewangan Islam, Takaful dan Takaful Semula dan Isu Kontemporari dalam Kewangan Islam untuk pelajar pasca siswazah di IiBF. Terlibat dengan pelbagai pembentangan termasuk di dalam persidangan, seminar, bengkel dan di-rumah latihan mengenai Perbankan Islam, Kewangan dan Pasaran Modal. Beliau adalah anggota Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (Bank Negara Malaysia), Malaysia Suruhanjaya Sekuriti dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) dan Penasihat Syariah bebas bagi sekuriti (sukuk) Islam, yang diluluskan oleh dan berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Selain itu, Prof. Engku juga adalah Ahli Lembaga Shari`ah Labuan Re, Gen Re dan Amanah Ikhtiar Malaysia, penasihat Shari`ah untuk Danajamin (2009 - 2010), ahli Lembaga Pengarah di Institut Kefahaman Islam Malaysia dan juga merupakan ahli jawatankuasa disiplin Majlis Peguam Malaysia.

**Azizah Abdul Rahman**, 61 tahun, Beliau merupakan Ahli Fellow Chartered Institute of Management Accountants UK (FCMA) dan Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA). Azizah Abdul Rahman telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Agro Bank Berhad bermula 1 Julai 2016.

Beliau merupakan bekas Pengarah Ternakan Bersepadu dan Pembuatan Makanan - QSR Brands Berhad dan KFC Holdings Berhad dari tahun 2006 sehingga tahun 2012 (sebelum penswastaan) sehingga beliau bersara pada 1 Ogos 2012.



Beliau pernah memegang jawatan Pengurus Besar Kewangan dan Ketua Pegawai Kewangan di Johor Corporation pada tahun 2000 sehingga 2005.

Selain itu, beliau yang mempunyai pengalaman luas merpnah menjawat kerusi Pengurus Besar Kewangan dan Perkhidmatan Korporat Antara Steel Mills Sdn Bhd, yang merupakan sebuah anak syarikat di bawah Johor Corporation dari tahun 1981 sehingga tahun 2000 (sehingga Asset Pertukaran Latihan dengan Lion Group Berhad).

Beliau adalah bekas Pengarah Johor Land Berhad sepanjang tahun 2005 sehingga tahun 2006 (sebelum penswastaan).

Turut aktif dengan penglibatan tanggungjawab sosial, beliau adalah Naib Pengerusi Persatuan Kebajikan Darul Hanan, rumah anak yatim di Pasir Gudang, Johor dari tahun 2002 -2012. Selain itu, beliau menyandang jawatan Pengerusi dan Pengarah Syarikat di bawah Johor Corporation yang terlibat dalam perniagaan makanan segera, pembuatan pakanan dan pembungkusan, pembiakan penternakan dan pertanian, pembuatan keluli, penjagaan kesihatan, pembiakan udang dan perladangan kelapa sawit.



**Dato' Seri Haji Muhamad Khanafi Bin Husin**, 46 tahun memiliki Ijazah Sarjana Muda Syariah dari Universiti Malaya yang diperolehnya pada tahun 1994 dan kini beliau merupakan Bendahari Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM). Beliau juga telah dilantik selaku Bendahari Persatuan Pemaju Hartanah Bumiputera Selangor.

Beliau menceburi sektor pembangunan harta tanah sejak tahun 1997 melalui syarikatnya Al Ansar Properties Sdn Bhd dan telah membangunkan pelbagai projek perumahan, yang kebanyakannya dibangunkan di kawasan sekitar Shah Alam, Bangi, Kajang, Salak Tinggi dan Nilai. Beliau turut aktif dalam harta tanah di luar negara, terutamanya di Kemboja.

Selain itu, beliau turut menyandang jawatan Pengarah di beberapa syarikat lain; antaranya Al Ansar Properties Sdn Bhd, Qurban Resources Sdn Bhd, Al Ansar Agro Sdn Bhd, Al Ansar Capital Sdn Bhd, Business Development Sdn Bhd dan Universal Smart Resources Gold. Kesemua syarikat tersebut adalah di bawah Kumpulan Al Ansar.

**Abdul Mohsein Mohd Shariff**, 37 tahun merupakan graduan Cardiff University, Wales, United Kingdom yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Pembuatan. Beliau juga memiliki Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Beliau mendapat pendidikan awal dari Kolej Melayu (MCKK), Kuala Kangsar, Perak.

Abdul Mohsein, setelah menamatkan pengajian tinggi di Cardiff University of Wales dengan ijazah kepujian dalam bidang kejuruteraan pembuatan, memulakan karier sebagai seorang jurutera profesional. Beliau berkemahiran dalam proses pembuatan dan operasi kilang melalui pengalaman sebagai jurutera penyelenggaraan dan peralatan pakar teknikal bagi beberapa syarikat pengeluar dan pembekal makanan terkemuka, Ayamas Food Corporation.

Abdul Mohsein telah menunjukkan sifat kepimpinan melalui penglibatan beliau dalam kerja-kerja sosial sejak zaman pengajian beliau di Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK). Beliau adalah seorang ahli yang aktif dalam Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPIS) dengan pangkat Leftenan. Beliau juga adalah rakan kongsi perniagaan untuk MARDI dalam projek bersama untuk menghasilkan bar granola jenama Malaysia di bawah skim Techofund Kerajaan Malaysia.



**Dato' Dr. Ghazali Dato' Mohd Yusoff**, 70 tahun merupakan seorang usahawan dan merupakan Pengurus Eksekutif Nusantara Technologies Sdn Bhd. Beliau memiliki Sarjana Muda Sastera (Ekonomi dan Geografi) dari Universiti Malaya dan kemudiannya mengejar kursus Pengurusan Am di Henley Administrative Staff College, United Kingdom. Dato' Dr. Ghazali juga merupakan Ketua Eksekutif Kumpulan Kumpulan Bank Arab-Malaysia dari tahun 1981 sehingga tahun 1983.


Beliau aktif dalam pelbagai organisasi kerajaan dan bukan kerajaan. Beliau adalah Ahli Lembaga

Pengarah Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), Penasihat Panel mengenai isu-isu tenaga kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kehormat Pengarah Eksekutif Majlis Perniagaan bagi Pembangunan Mampan Malaysia dan Ahli Panel Penasihat Perpaduan Negara.

Beliau terlibat secara aktif dalam kebajikan sosial, selaku Naib Presiden Majlis Kebangsaan Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat, Naib Presiden Life Society tulen dan Ahli Majlis Selangor Cheshire Home. Sebelum ini beliau pernah menerajui organisasi ternama yang lain seperti Lions Club (Hos) Kuala Lumpur, Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia, Persatuan

Automotif Malaysia,-Malaysia Kanada Majlis Perniagaan, Persatuan Ekonomi dan Perdagangan Malaysia-Perancis, Malaysia-Jerman Business Group,-EEC ASEAN Majlis Perniagaan dan Jawatankuasa Perundingan Bersama Malaysia-India.

## **Setiausaha Syarikat**



**Norhana Ramli**, 38 tahun memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-undang *LL.B (HONS)* dari Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) dan Sarjana Undang-undang *LL.M (HONS)* dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Beliau memulakan kerjaya undang-undang itu di Tetuan Zaid Ibrahim & Co pada tahun 2002 di Jabatan Komersil Korporat. Memiliki 5 tahun pengalaman dengan Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (PERODUA). Beliau bertanggugjawab menasihati dan draf dokumentasi untuk pengkomersilan Hak Harta Intelek dan pelbagai kontrak komersil yang lain seperti Perjanjian Lesen, Surat Ikatan Amanah, Perjanjian Usaha Sama, Perjanjian Perkongsian, Perjanjian Prototaip, Perjanjian Penyelenggaraan dan Perjanjian Perkhidmatan.

# Pengurusan

**Hafidzamzahry bin Othman**, 40 tahun pernah menjawat jawatan Pengurus Kanan Kumpulan Kewangan dalam QSR Brands (M) Holdings Sdn Bhd, sebuah syarikat pegangan pelaburan di dalam industri restoran perkhidmatan makanan segera melalui KFC dan Pizza Hut di Malaysia, Singapura, Brunei, Kemboja, Mumbai dan Pune, India, yang memfokus kepada sektor pembuatan dan kilang pemprosesan ayam.

Beliau mempunyai pengalaman yang luas dan pelbagai terutamanya di dalam strategi kewangan, perancangan dan analisis, perancangan korporat, penggabungan dan pengambilalihan, perbendaharaan, pengurusan risiko dan keperluan kewangan berkanun.

Hafidzamzahry memperolehi Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Teknologi MARA pada tahun 1999, yang juga merupakan Ahli Bersekutu *Chartered Institute of Management Accountant (ACMA)* dan Ahli Malaysian Institute of Accountants (MIA).

*URUS*  
*TADBIR*  
*KORPORAT*

# KENYATAAN URUS TADBIR KORPORAT

Lembaga Pengarah AWQAF (“Lembaga Pengarah”) adalah komited sepenuhnya untuk memastikan bahawa AWQAF terus mengekalkan piawaian tadbir urus korporat yang tinggi, dengan pandangan untuk terus mengukuhkan nilai pemegang kepentingan. Lembaga Pengarahan amat menekankan dan memastikan bahawa perniagaan dan hal-hal berkaitan AWQAF adalah berlandaskan kepada doktrin serta prinsip-prinsip tadbir urus korporat yang baik seperti integriti, ketelusan, kebertanggungjawaban dan tatalaku perniagaan yang bertanggungjawab.

Lembaga Pengarah memberi bimbingan dan pengawasan agenda strategik AWQAF dan operasinya untuk bertindak dengan tekun dan bertanggungjawab, selaras dengan undang – undang dan peraturan demi menjaga kepentingan pihak berkepentingan (Stakeholder) yang terdiri daripada ahli – ahli AWQAF yang mewaqafkan yuran keahlian kepada AWQAF, para pelanggan, komuniti dan tenaga kerja AWQAF.

Kenyataan tadbir urus korporat (“Kenyataan”) menetapkan penggunaan dan amalan prinsip-prinsip tadbir urus korporat AWQAF serta aplikasi 8 Prinsip Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 (“MCCG 2012”) terhadap tadbir urus korporat dan keperluan dalaman.

## PRINSIP 1 – MEMBENTUK PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB YANG JELAS BAGI LEMBAGA PENGARAH DAN PENGURUSAN

Lembaga Pengarah mengarahkan pengurusan penilaian risiko, perancangan

strategik, pengurusan kewangan dan pengurusan operasi AWQAF untuk memastikan bahawa kewajipan kepada pihak berkepentingan lain difahami dan dipenuhi. Lembaga Pengarah memberikan kepimpinan yang diperlukan bagi membolehkan objektif perniagaan AWQAF dipenuhi selaras dengan rangka kerja kawalan dalaman mana yang dinyatakan dalam Kenyataan ini.

Secara keseluruhan, Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawab utama yang berikut dalam menjalankan tugas fidusiari dan kepimpinannya:

- Menyemak dan meluluskan rancangan perniagaan strategik AWQAF secara keseluruhan dan setiap unit operasi. Ini merangkumi belanjawan tahunan, aspirasi tempoh sederhana, pelaburan baru/pelupusan pelaburan serta penggabungan dan pengambilalihan.
- Mengawal selia pengendalian dana waqaf dan perniagaan untuk memastikan pengurusan sewajarnya termasuk penetapan objektif dan dasar yang jelas dalam mana eksekutif kanan harus beroperasi.
- Mengenal pasti dan meluluskan dasar-dasar berhubung pengurusan semua kategori risiko termasuk, tetapi tidak terhad kepada, risiko kredit, kewangan, pasaran, kecairan, operasi, undang-undang dan reputasi.

- Mengkaji kecukupan dan ketelusan kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan, termasuk sistem bagi pematuhan undang undang yang diguna pakai, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, arahan dan garis panduan yang berkenaan.
- Berkhidmat sebagai badan tertinggi untuk meluluskan semua perbelanjaan kewangan yang penting.

Untuk membantu dalam menjalankan peranan pengurusan, Lembaga Pengarah telah membentuk Jawatankuasa Lembaga Pengarah, iaitu Jawatankuasa Audit yang mana ia telah membahagikan tanggungjawab tertentu. Lembaga Pengarah juga akan mewujudkan Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Imbuhan pada masa hadapan apabila mencapai keperluan penubuhan Jawatankuasa tersebut. Jawatankuasa Lembaga Pengarah mempunyai kuasa untuk memeriksa isu tertentu dalam syarat rujukan masing-masing seperti yang dipersetujui oleh Lembaga Pengarah dan melaporkan cadangan mereka kepada Lembaga Pengarah.

Semua perbincangan dan keputusan yang diambil oleh Jawatankuasa Lembaga Pengarah didokumenkan dan dipersetujui oleh Pengerusi Jawatankuasa masing-masing sebelum penghantaran item agenda untuk dibincangkan pada mesyuarat Lembaga Pengarah. Tanggungjawab muktamad bagi membuat keputusan, bagaimanapun, berada di tangan Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Lembaga Pengarah mempunyai peranan dan fungsi mereka, syarat rujukan bertulis, prosedur operasi dan bidang kuasa yang

ditakrifkan dengan jelas. Lembaga Pengarah menyemak kuasa dan syarat rujukan Jawatankuasa Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa bagi memastikan kesesuaiannya.

### **Pengerusi dan Ketua Eksekutif**

Peranan Pengerusi dan Ketua Eksekutif AWQAF adalah berasingan dan berbeza dengan jelas. Pengerusi Lembaga Pengarah adalah bebas dan bukan eksekutif. Pengerusi memainkan peranan kepimpinan yang penting dalam Kumpulan dan terlibat dalam:

- Mempengerusikan mesyuarat ahli – ahli AWQAF atau pewaqif dan Lembaga Pengarah;
- Memantau prestasi Lembaga Pengarah dan gabungan kemahiran dan keberkesanan sumbangan ahli-ahli Lembaga secara individu; dan
- Mengelakkan dialog berterusan dengan Ketua Pegawai Eksekutif dan memberi bimbingan dan panduan yang sewajarnya.

Sehingga kini, jawatan Ketua Pegawai Eksekutif AWQAF masih belum dilantik. Sehubungan dengan itu Lembaga Pengarah telah mewujudkan Jawatankuasa Eksekutif (“EXCO”) bagi menggalas tanggungjawab Ketua Pegawai Eksekutif. Ahli Exco adalah seperti berikut:

Nama	Jawatan	Nota
Tan Sri Muhammad Ali Bin Hashim	Pengerusi	
Mohammad Sahat Bin Mat Din	Tim. Pengerusi	
Muhammad Tahir Bin Hashim	Pengarah Eksekutif	Bersara pada 27 Jan 2016
Hafizam Zahry Bin Othman	Ketua Pegawai Kewangan	Dilantik pada 1 Okt 2015

Lembaga Pengarah mewakilkan kuasa dan tanggungjawab untuk menguruskan hal urusan harian AWQAF kepada EXCO dan Pengurusan Kanan lain. Lembaga Pengarah memantau pengurusan dan prestasi EXCO bagi pihak ahli – ahli AWQAF.

#### PRINSIP 2 – MENGUKUHKAN KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah dipengerusikan oleh seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan kini terdiri daripada lapan (8) Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Lembaga Pengarah terus mencapai keseimbangan kemahiran, pengetahuan, pengalaman dan perspektif di kalangan Pengarah-pengarahanya.

Cadangan 3.5 daripada MCCG 2012 menyatakan bahawa Lembaga Pengarah hendaklah terdiri daripada majoriti Pengarah Bebas jika Pengerusi bukan Pengarah Bebas. Berlandaskan Kod Tadbir Urus Korporat ini, majoriti Pengarah AWQAF adalah Bebas Bukan Eksekutif. Sehingga tarikh Kenyataan ini, saiz dan komposisi Lembaga Pengarah adalah seimbang dari segi keadaan semasanya, bagi menangani sebarang cabaran perniagaan dan untuk memacu perniagaan AWQAF ke peringkat lebih tinggi. Lembaga Pengarah terdiri daripada pelbagai latar belakang profesional dengan pengalaman, kemahiran dan kepakaran yang meluas untuk memenuhi keperluan AWQAF. Lembaga Pengarah percaya dengan yakin bahawa semua Pengarah bertindak demi kepentingan semua pihak terutama ahli AWQAF dan masyarakat.

#### PRINSIP 3 – MEMPERKUKUHKAN KEBEBASAN LEMBAGA PENGARAH

Terdapat pembahagian tanggungjawab yang jelas di antara Pengerusi dan EXCO yang menimbulkan kebertanggungjawaban dan membantu pembahagian

tanggungjawab, supaya tiada seorang individu mempunyai kuasa tidak terbatas dalam membuat keputusan. Pengerusi, sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, bertanggungjawab untuk memastikan kecukupan dan keberkesanan proses tadbir urus Lembaga Pengarah dan bertindak sebagai fasilitator dalam mesyuarat Lembaga Pengarah bagi memastikan sumbangan oleh para Pengarah dalam perbincangan dan tiada ahli Lembaga Pengarah yang menguasai perbincangan. EXCO, disokong oleh Kumpulan Pengurusan, melaksanakan polisi dan keputusan AWQAF yang diguna pakai oleh Lembaga Pengarah, meneliti operasi serta membangunkan, menyelaras dan melaksanakan strategi perniagaan dan korporat.

EXCO bertanggungjawab untuk mengendalikan hala tuju AWQAF dan pengurusan sehari-hari. EXCO, bersama-sama Kumpulan Pengurusan, menguruskan perniagaan AWQAF menerusi kaedah yang konsisten dengan prinsip-prinsip Perniagaan Korporat AWQAF seperti yang termaktub di dalam Memorandum dan artikel AWQAF serta mematuhi sebarang pelan, arahan dan hala tuju khusus Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah mengetahui kepentingan kebebasan dan objektiviti dalam proses membuat keputusannya. Para Pengarah adalah golongan profesional yang berkaliber dan berintegriti serta memiliki pengetahuan mendalam dan pengalaman luas dalam perniagaan yang membolehkan mereka menjalankan tugas mereka dengan baik. Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif memberikan pandangan, nasihat dan penilaian berhubung kepentingan yang objektif dan bebas, bukan hanya bagi AWQAF tetapi juga bagi pihak ahli AWQAF, warga kerja, pelanggan, pembekal dan

pelbagai komuniti yang mana AWQAF mengendalikan perniagaannya. Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif penting untuk melindungi kepentingan ahli AWQAF dan mampu melakukan sumbangan penting kepada keputusan AWQAF menerusi keadilan yang sewajarnya.

AWQAF tidak mempunyai had penggal untuk kedua-dua Pengarah Eksekutif dan Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif memandangkan Lembaga Pengarah percaya bahawa sumbangan berterusan oleh para Pengarah memberikan manfaat kepada Lembaga Pengarah dan AWQAF secara keseluruhan. MCCG 2012 menyediakan had penggal kumulatif sebanyak sembilan (9) tahun bagi perkhidmatan Pengarah Bebas. Bagaimanapun, seorang Pengarah Bebas boleh menyambung perkhidmatannya dalam Lembaga Pengarah apabila mencapai had 9 tahun tersebut tertakluk kepada perlantikan semula Pengarah Bebas sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif. Sekiranya Lembaga Pengarah berhasrat untuk mengekalkan Pengarah sebagai Bebas selepas beliau berkhidmat dalam tempoh 9 penggal secara kumulatif, Lembaga Pengarah mesti mempertimbangkan keputusan tersebut dan mendapatkan persetujuan ahli AWQAF pada mesyuarat agung.

#### PRINSIP 4 – KOMITMEN PARA PENGARAH

Lembaga Pengarah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setiap tahun, di mana laporan Lembaga diedarkan sebelum mesyuarat, membolehkan Pengarah menyemak maklumat selanjutnya yang mungkin diperlukan. Mesyuarat Lembaga tambahan akan diadakan sekiranya perlu. Pasukan Pengurusan Kanan AWQAF dijemput menghadiri mesyuarat Lembaga untuk memberi penerangan dan penjelasan

terperinci tentang perkara-perkara yang dibentangkan.

Sepanjang tahun kewangan berkenaan, sembilan (9) mesyuarat telah diadakan dan butiran mengenai kehadiran Pengarah adalah seperti berikut:

#### Bilangan Mesyuarat dihadiri pada Tahun Kewangan 2015

Nama	Lembaga Pengarah	Nota
Tan Sri Muhammad Ali Bin Hashim	9/9 (Pengerusi)	
Mohammad Sahar Bin Mat Din	9/9 (Tim. Pengerusi)	
Tan Sri Siti Sa'diah Binti Sh Bakir	5/8	Dilantik pada 14 Jan 2011
Prof. Dr. Eg Rabiah Adawiah Bin Engku Ali	1/3	Dilantik pada 10 Jun 2011
Dato' Seri Muhamad Khanafi Bin Husin	7/9	
Dato' Dr. Ghazali Bin Dato' Mohd Yusoff	4/8	Dilantik pada 14 Jan 2011
Abdul Mohsein Bin Mohd Shariff	3/3	Dilantik pada 17 Jun 2011
Muhammad Tahir Bin Hashim	9/9	Bersara pada 27 Jan 2011
Nik Mohd Yusoff Bin Nik Ismail	4/6	Bersara pada 17 Jun 2011
Sharipuddin Bin Muis	7/7	Bersara pada 26 Ogos 2011
Azizah Binti Abdul Rahman	-	Dilantik pada 7 Dis 2015

Nota:

Seumua kehadiran menunjukkan bilangan mesyuarat yang dihadiri sepanjang tempoh perkhidmatan para pengarah.

#### Komitmen Masa

Di mana sebarang arahan atau keputusan diperlukan dengan segera daripada Lembaga Pengarah di antara mesyuarat biasa, mesyuarat khas Lembaga Pengarah akan diadakan oleh Setiausaha Syarikat, selepas berbincang dengan Pengerusi. Agenda mesyuarat Lembaga Pengarah ditetapkan oleh Setiausaha Syarikat selepas berbincang dengan Pengerusi dan EXCO.

Keputusan Lembaga Pengarah dibuat secara sebulat suara atau persetujuan. Di mana bersesuaian, keputusan boleh dibuat berdasarkan Resolusi Pekeliling Pengarah di antara mesyuarat yang telah dijadualkan dan mesyuarat khas.

Agenda, laporan berkaitan dan kertas mesyuarat Lembaga Pengarah disediakan untuk para Pengarah lebih awal bagi membolehkan para Pengarah menjalankan perbincangan yang berkesan dan membuat keputusan semasa mesyuarat. Lembaga Pengarah mempunyai aturan perkara yang

biasanya disenaraikan dalam agenda dan disemak sepanjang tahun iaitu Perancangan Perniagaan Syarikat; Pembentangan oleh Kumpulan Pengurusan dan Laporan Suku Tahun; Keputusan Suku Tahun yang Belum Diaudit; Cadangan pelbagai Jawatankuasa Lembaga Pengarah; Aktiviti Menjana Nilai Bersama AWQAF; Penyata Kewangan Diaudit Syarikat;

Laporan Tahunan Syarikat (termasuk Kenyataan mengenai Tadbir Urus Korporat, Kenyataan Kawalan Dalaman dan Laporan Jawatankuasa Audit.) Ahli-ahli Kumpulan Pengurusan atau penasihat luar dijemput, jika diperlukan, untuk menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah dan/atau Jawatankuasa untuk memberi nasihat dan menyediakan maklumat dan penjelasan kepada Lembaga Pengarah Pengarah dan/atau Jawatankuasa berhubung perkara dalam agenda bagi perbincangan yang berkesan dan membuat keputusan.

Semua isu berkaitan yang dibincangkan pada mesyuarat Lembaga Pengarah bagi mencapai keputusan dan kesimpulan, direkodkan dengan tepat oleh Setiausaha Syarikat berdasarkan minit mesyuarat. Ia satu polisi Syarikat bagi para Pengarah untuk meluangkan masa mencukupi dan usaha bagi menjalankan tanggungjawab mereka.

#### **PRINSIP 5 – INTEGRITI DALAM PELAPORAN KEWANGAN SYARIKAT**

Lembaga Pengarah dikehendaki untuk menyediakan dan membentangkan satu penilaian yang jelas, seimbang dan komprehensif bagi prestasi dan prospek kewangan AWQAF pada akhir tempoh kewangan, terutamanya menerusi penyata kewangan tahunan, pengumuman keputusan suku dan separuh tahun kepada ahli – ahli AWQAF, serta ulasan operasi AWQAF dalam Laporan Tahunan.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk memastikan penyata kewangan menyediakan pandangan yang benar dan adil mengenai keadaan AWQAF pada akhir tempoh pelaporan serta keputusan dan aliran tunai untuk tempoh berkenaan. Dalam menyediakan penyata kewangan, para Pengarah memastikan bahawa piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965, telah dipatuhi serta penilaian dan anggaran yang wajar dan berhemah telah dilakukan. Tanggungjawab menyeluruh Pengarah turut merangkumi langkah bersesuaian untuk melindungi aset AWQAF serta untuk pelaksanaan dan operasi berterusan sistem perakaunan dan kawalan dalam bagi mencegah penyelewengan dan ketidaksamaan yang lain.

Lembaga Pengarah berpuas hati di mana ia telah menepati kewajipannya untuk membentangkan satu penilaian yang seimbang dan mudah difahami mengenai kedudukan dan prospek AWQAF dalam Laporan Pengarah dan Penyata Kewangan yang disediakan dalam Laporan Tahunan ini.

Untuk membantu menjalankan tugasnya terhadap pelaporan kewangan, Lembaga Pengarah telah membentuk Jawatankuasa Audit yang terdiri daripada semua Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif, dengan Tan Sri Siti Sa'diah Sheikh Bakir sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit. Komposisi Jawatankuasa Audit, termasuk peranan dan tanggungjawabnya, ditetapkan dalam Laporan Tahunan ini. Satu daripada tanggungjawab utama Jawatankuasa Audit adalah untuk memastikan bahawa penyata kewangan AWQAF mematuhi piawaian pelaporan kewangan yang diguna pakai di Malaysia. Penyataan kewangan berkenaan

meliputi laporan kewangan suku tahun yang diumumkan kepada ahli – ahli AWQAF dan penyata kewangan tahunan.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah untuk membentuk aturan rasmi dan telus dalam pertimbangan mengenai aplikasi pelaporan kewangan dan kawalan dalam, dan mengekalkan hubungan sewajarnya bersama juruaudit luar AWQAF dicapai menerusi Jawatankuasa Audit. Jawatankuasa Audit mengadakan perbincangan bersama juruaudit luar mengenai keadaan dan skop tanggungjawab audit dan pelaporan sebelum pelaksanaan audit. Jawatankuasa Audit memastikan bahawa pihak Kumpulan Pengurusan menyediakan maklum balas tepat pada masa berhubung sebarang pertanyaan penting oleh juruaudit luar, dari segi rekod perakaunan, akaun kewangan atau sistem kawalan. Jawatankuasa Audit memiliki kuasa untuk menyemak sebarang perkara berkaitan dengan pelantikan dan pelantikan semula, peletakan jawatan atau pemecatan juruaudit luar serta menyemak dan menilai faktor yang melibatkan kebebasan juruaudit luar. Jawatankuasa Audit bekerjasama dengan juruaudit luar dalam membentuk prosedur bagi menilai kesesuaian dan kebebasan juruaudit luar, dalam mengesahkan bahawa mereka, bebas sepanjang penglibatan audit bersama AWQAF yang mematuhi kriteria kebebasan yang ditetapkan oleh Institut Akauntan Malaysia. Syarat penglibatan perkhidmatan disediakan oleh juruaudit luar disemak oleh Jawatankuasa Audit sebelum dihantar ke Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

#### PRINISP 6 – MENGENAL PASTI DAN MENGURUSKAN RISIKO KUMPULAN SYARIKAT

Menyedari kepentingan pengurusan risiko dan kawalan dalaman, Lembaga Pengarah telah membentuk Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan untuk mengenal pasti, menilai, mengawal, memantau dan melaporkan risiko perniagaan utama yang dihadapi oleh AWQAF secara berterusan.

Lembaga Pengarah menetapkan polisi dan prosedur kawalan dalaman serta memantau bagi memastikan bahawa sistem kawalan dalaman sedemikian dilaksanakan dengan baik oleh Kumpulan Pengurusan.

Lembaga Pengarah disediakan jaminan munasabah daripada pelbagai laporan yang dihantar oleh Pengurusan dan Jawatankuasa Audit mengenai pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman.

Butiran mengenai Kenyataan Kawalan Dalaman dan Fungsi Audit Dalaman disediakan di muka surat 18 hingga 25 Laporan Tadbir Urus Korporat dan Kewangan.

#### PRINSIP 7 – MEMASTIKAN PENDEDAHAN TEPAT PADA MASA DAN BERKUALITI TINGGI

Satu aspek penting dalam AWQAF adalah komunikasi yang aktif, membina dan ketepatan dalam menyebarkan maklumat kepada ahli – ahli AWQAF dan pelabur. Lembaga Pengarah menyedari keperluan untuk memastikan pendedahan korporat dan prosedur untuk membolehkan pendedahan yang komprehensif, tepat dan pada masa bersesuaian berkaitan dengan AWQAF kepada penggubal undang-undang, ahli – ahli AWQAF dan pihak berkepentingan.

Bagi tahun kewangan berkenaan, AWQAF masih belum menjalankan prosedur pendedahan korporat. Walaubagaimana pun bermula daripada Tahun Kewangan

2016, AWQAF telah mengguna pakai dan melaksanakan prosedur pendedahan korporat seperti berikut:

- i) Pengumuman keputusan kewangan suku tahun pada masa yang tepat

AWQAF menyedari kepentingan pemberitahuan maklumat yang tepat dan pada masa bersesuaian kepada ahli – ahli AWQAF dan pelabur, bagi membolehkan pihak berkepentingan ini membuat keputusan pelaburan yang baik. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa maklumat yang tidak disebarluaskan pada masa yang tepat, meskipun ia komprehensif dan tepat, akan menjadi kurang relevan untuk tujuan pelaburan. Justeru, AWQAF memberi keutamaan dalam memastikan maklumat boleh didapati dan dihebahkan secepat mungkin. Pengumuman keputusan kewangan yang segera dan tepat pada masa mengikut suku tahun, seperti berikut, membolehkan ahli – ahli AWQAF meninjau prestasi dan operasi AWQAF dan membuat keputusan pelaburan yang baik:

- ii) Laman sesawang AWQAF dan Muka buku (Facebook)

Sebagai tambahan kepada penyediaan gambaran yang komprehensif terhadap prestasi kewangan AWQAF dan aktiviti – aktiviti AWQAF, Lembaga Pengarah menyedari kepentingan komunikasi melibatkan strategi perniagaan,

maklumat terkini mengenai perkembangan inisiatif perniagaan semasa AWQAF serta prestasi kewangannya. Bagi menghebahkan maklumat tepat pada masanya di seluruh komunikasi luaran, mulai 2016, Syarikat menyediakan Laporan Suku Tahunan di laman sesawang AWQAF, [www.awqaf.com.my](http://www.awqaf.com.my) dan juga aktiviti – aktiviti AWQAF dan ZuriatCARE di muka buku (facebook) AWQAF Holdings, di mana ahli – ahli AWQAF dan masyarakat boleh mendapatkan maklumat.

#### PRINSIP 8 – MENGUKUHKAN HUBUNGAN DI ANTARA SYARIKAT DAN AHLI – AHLI AWQAF

Lembaga Pengarah percaya bahawa mereka bukan sahaja bertanggungjawab kepada ahli – ahli AWQAF tetapi juga bertanggungjawab untuk menguruskan perhubungan yang berjaya dan produktif dengan pihak berkepentingan di dalam AWQAF.

#### **Laporan Tahunan dan penyertaan ahli – ahli AWQAF pada mesyuarat agung**

AWQAF mengiktiraf kepentingan mengekalkan ketelusan dan kebertanggungjawaban bagi ahli – ahli AWQAF. Lembaga Pengarah memastikan bahawa semua ahli – ahli AWQAF dilayan dengan adil dan hak-hak mereka dilindungi. Lembaga Pengarah menyediakan kepada ahli – ahli AWQAF dengan maklumat mengenai perniagaan, kewangan dan aktiviti penting yang lain dalam Laporan Tahunan AWQAF, yang isi kandungannya terus dipertingkatkan dengan mengambil kira pembangunan, antara lain, dalam tadbir urus korporat.

AWQAF menghantar Notis Mesyuarat Agung Tahunan dan surat pekeliling berkaitan kepada ahli – ahli AWQAF sekurang-kurangnya 21 hari sebelum mesyuarat tersebut seperti mana dikehendaki di bawah Memorandum dan Artikel AWQAF, bagi memudahkan pemahaman sepenuhnya dan penilaian isu-isu terlibat. Di mana terdapat perkara khusus dalam Notis Mesyuarat Agung Tahunan, satu penjelasan penuh disediakan kepada ahli – ahli AWQAF mengenai kesan resolusi daripada butiran perkara khusus tersebut. Mesyuarat Agung Tahunan ialah peluang utama untuk Lembaga Pengarah bertemu dengan ahli – ahli AWQAF dan untuk Pengerusi menyediakan satu gambaran menyeluruh mengenai pembangunan AWQAF dan menerima soalan daripada ahli – ahli AWQAF.

Di Mesyuarat Agung Tahunan, ahli – ahli AWQAF turut serta mempertimbangkan resolusi yang dicadangkan atau mengenai

masa hadapan perkembangan operasi AWQAF secara umum. Lembaga Pengarah, Kumpulan Pengurusan dan juruaudit luar, hadir untuk menjawab soalan dikemukakan dan menyediakan penjelasan seperti dikehendaki oleh ahli – ahli AWQAF.

### **Penyata oleh Lembaga Pengarah**

Lembaga Pengarah telah mempertimbangkan, menyemak dan meluluskan Penyata ini. Lembaga Pengarah mempertimbangkan dan berpuas hati bahawa AWQAF memenuhi Kod Tadbir Urus Korporat 2012 (MCCG 2012), dan semua undang-undang dan peraturan yang diguna pakai sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

Penyata ini dibentangkan dan diluluskan pada mesyuarat Lembaga Pengarah pada 29 September 2016.

# **PENYATA MENGENAI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN**

Berdasarkan operasi AWQAF yang masih lagi dalam peringkat awal, Lembaga Pengarah merasakan keperluan untuk mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman adalah masih terlalu awal. Walaubagaimanapun, Lembaga Pengarah mengakui bahawa pengurusan risiko dan kawalan dalaman adalah amat penting dalam institusi Waqaf Korporat® bagi memastikan keberkesanan urus tadbir korporat dapat dijalankan dengan lebih konsisten.

Sehubungan dengan itu Lembaga Pengarah telah mewujudkan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan pada 29 April 2016 dan skop pengurusan risiko dan kawalan dalaman dipertanggungjawabkan kepada Jawatankuasa tersebut. Laporan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan dilampirkan pada muka surat berikutnya.

# LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

Lembaga Pengarah berpandangan bahawa ianya amatlah penting untuk sesebuah organisasi Waqaf Korporat® untuk mempunyai Jawatankuasa Audit. Ini adalah kerana ianya amat berkesan dalam usaha untuk memastikan budaya tadbir urus korporat yang mampan dan mampu untuk membawa maafaat yang besar kepada AWQAF dan ahli – ahlinya. Namun begitu bagi Tahun Kewangan 2015, keperluan untuk menubuhkan Jawatankuasa Audit masih lagi ditahap yang minimum. Ini berdasarkan keadaan operasi dan transaksi perniagaan AWQAF pada tahun kewangan tersebut.

Kelansungan daripada itu, apabila operasi dan transaksi penerimaan dana waqaf daripada ahli – ahli dan transaksi perniagaan harta tanah yang dicebur semakin meningkat, maka Lembaga Pengarah melalui Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah yang kedua bagi Tahun Kewangan 2016 bertarikh 29 April 2016 telah bersetuju untuk mewujudkan Jawatankuasa Audit.

## Saiz dan komposisi

### Tan Sri Siti Sa'diah Binti Sh Bakir

Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
Pengerusi

### Azizah Binti Abdul Rahman

Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
Ahli  
(Ahli Bersekutu *Chartered Institute Management Accountant*;  
Akauntan Bertauliah Institut Akauntan Malaysia)

**Abdul Mohsien Bin Mohd Shariff**  
Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif  
Ahli

Adalah menjadi dasar Lembaga Pengarah bahawa sekurang-kurangnya seorang (1) ahli Jawatankuasa Audit dan Peperiksaan hendaklah mempunyai kelayakan atau pengalaman perakaunan dalam bidang kewangan. Apabila ada keperluan oleh Jawatankuasa Audit, ahli Kumpulan Pengurusan yang berkaitan akan turut diundang untuk menghadiri mesyuarat. Jawatankuasa Audit juga mempunyai hak untuk bertemu juruaudit luar dan/atau dalaman tanpa kehadiran Pengurusan Kanan yang lain.

## Objektif

Jawatankuasa Audit adalah sebuah jawatankuasa bebas yang membantu Lembaga Pengarah dalam menjalankan tanggungjawabnya terhadap tadbir urus korporat, kawalan korporat dan laporan kewangan. Jawatankuasa Audit juga bertindak bagi pihak Lembaga Pengarah dan bertanggungjawab ke atas pengawasan dan pemantauan:

- Pengurusan dan kawalan risiko;
- Urus niaga pihak berkaitan;
- Pengawasan audit dalaman;
- Pelaporan kewangan, dasar dan kawalan perakaunan; dan
- Pelantikan, skop kerja dan penilaian juruaudit luar.

Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan memberi laporan kepada Lembaga Pengarah pada setiap suku tahun

berhubung perkara-perkara di bawah bidang terma-terma rujukan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan.

### Risiko dan Kawalan

- menilai sama ada proses-proses dan langkah-langkah pengurusan risiko yang mencukupi wujud untuk meminimumkan sebarang pendedahan risiko, termasuk penipuan;
- mengkaji dan menilai, bersama-sama juruaudit luar dan dalaman, mengenai prosedur pengurusan, yang direka untuk menyediakan jaminan pematuhan terhadap undang-undang, peraturan, polisi dan kod amalan atau perilaku;
- memantau sistem dan prosedur yang direka untuk menyediakan tahap kawalan dalaman, perlindungan aset dan maklumat pengurusan yang memuaskan dan berkesan bersama juruaudit luar dan dalaman; dan
- memantau operasi AWQAF menerusi kajian audit dalaman yang sewajarnya, bagi menentukan sama ada perhatian secukupnya diberikan kepada ciri-ciri kecekapan, keberkesanan dan ekonomi.

### Urus Niaga Pihak Berkaitan

- Menyemak transaksi pihak berkaitan dan kecukupan prosedur AWQAF dalam pengenalpastian, pemantauan, pelaporan dan semakan transaksi pihak berkaitan;
- Menyemak laporan sukuan ke atas transaksi pihak berkaitan yang

berulang ke atas perolehan dan transaksi pihak berurus niaga ke atas perolehan dan jenis urus niaga; dan

- Meluluskan Urus Niaga Pihak Berkaitan dan memastikan bahawa tidak ada konflik kepentingan, mengkaji semula dan mengesahkan semua Urus Niaga Pihak Berkaitan sedia ada atau yang dicadangkan akan dibuat oleh AWQAF, memberikan kelulusan kepada semua Urus Niaga Pihak Berkaitan dicadangkan, mengkaji semula dan meluluskan apa-apa pengubahsuaian, pembaharuan atau lanjutan sebarang Urus Niaga Pihak Berkaitan.

### Pengawasan Audit Dalaman

- mengkaji laporan-laporan audit dalaman bagi audit utama yang dilaksanakan;
- mengkaji tahap pelaksanaan cadangan-cadangan audit dalaman dan tempoh masa maklum balas diterima;
- mengkaji prestasi audit dalaman dan keberkesanan untuk memastikan ia konsisten dengan pelan yang diluluskan, Piagam Audit Dalaman, dan piawaian profesional yang berkaitan; dan
- mengkaji kecukupan skop, fungsi, kebolehan dan sumber bagi fungsi audit dalaman.

## **Pelaporan kewangan, dasar dan kawalan perakaunan**

- Mengkaji keputusan suku tahunan dan penyata kewangan AWQAF sebelum mengesyorkannya kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan;
- Mengkaji penyata kewangan tahunan AWQAF dengan juruaudit luaran sebelum diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan; dan
- Pematuhan terhadap keperluan kawal selia berikut dipastikan:
  - Peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965,
  - Piawaian perakaunan yang diguna pakai di Malaysia
  - Keperluan kawal selia lain yang berkaitan

## **Pelantikan, skop kerja dan penilaian juruaudit luar**

- Mengkaji pelantikan juruaudit luaran dan kebebasan dan keberkesanannya untuk perkhidmatan audit berkanun, berkaitan audit dan bukan berkaitan audit.
- Menyemak/Meluluskan pelan audit, fi tahunan audit dan skop kerja bagi tugas audit dan bukan audit.
- Menyemak keputusan dan laporan juruaudit luaran serta maklum balas susulan Pengurusan terhadap penemuan juruaudit luaran.

- Mengkaji draf akhir penyata kewangan suku tahunan dan penyata tahunan (sebelum mesyuarat Lembaga Pengarah untuk meluluskan penyata-penya kewangan berkenaan), menerima penjelasan bagi sebarang perbezaan ketara daripada tahun sebelumnya dan daripada bajet, serta merujuk isu-isu ini kepada Lembaga Pengarah, jika dan apabila perlu;
- Memantau pematuhan kepada keperluan statutori bagi laporan kewangan, dengan tumpuan kepada perubahan ketara dalam polisi-polisi dan amalan perakauan, bersama pengubahsuaian ketara yang dicadangkan oleh audit luar; dan
- Mengkaji pematuhan terhadap semua pendedahan pihak berkaitan yang disyaratkan oleh Piawaian Perakaunan.

## **Ringkasan aktiviti sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015**

Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan mula dilantik pada 29 April 2016. Sehubungan itu tiada aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun kewangan berakhir 2015. Pada tahun kewangan 2016, sehingga kini Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan telah mengadakan mesyuarat pertamanya pada 8 Ogos 2016. Mesyuarat ini dihadiri oleh kesemua ahli Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan dalam menentukan terma – terma rujukan bagi Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan seperti yang dijelaskan dalam laporan ini.




A rectangular frame with a dark red border is centered on the page, containing the following text:

*AKTIVITI*  
*AWQAF*

# Persada AWQAF

## Pengenalan tapak

Tapak cadangan pembangunan ini terletak di atas tanah dengan nombor hakmilik H.S. (D) 7982 Pt 12077 Presint 3, Putrajaya. Kawasan tapak ini yang berkeluasan 9,070 meter persegi terletak di tengah-tengah Pusat Bandar Putrajaya bersebelahan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin yang dikenali juga sebagai Masjid Besi.



## Maklumat perihal tanah

Pemilik Berdaftar	:	PUTRAJAYA HOLDINGS SDN BHD
No. Hakmilik	:	H.S.(D) 7982
No. PT	:	PT 12077
Negeri	:	Wilayah Persekutuan Putrajaya
Daerah	:	Putrajaya
Bandar	:	Presint 3, Bandar Putrajaya
Keluasan Sementara	:	9070 meter persegi
Jenis Pegangan	:	Kekal
Jenis Penggunaan Tanah	:	Bangunan
Syarat-Syarat Nyata	:	Perniagaan
Sekatan Kepentingan	:	Tiada



*Kedudukan tapak cadangan di Presint 3, Putrajaya.*

## Lokasi

Persada AWQAF terletak di lokasi yang strategik di kawasan perniagaan yang berprestij dengan jaringan bisnes yang luas. Ia terletak di dalam “The Golden Triangle” Koridor Selatan yang amat mudah dihubungi dengan hubungan lebuhraya yang banyak seperti Lebuhraya Maju, Lebuhraya Sungai Besi, Lebuhraya ELITE, Lebuhraya LDP dan Lebuhraya Besraya.

DESTINASI	LEBUHRAYA	MASA PERJALANAN
KL City Center	Lebuhraya Maju (MEX)	20 minit
KL City Center	Lebuhraya Sungai Besi	30 minit
KLIA	Lebuhraya ELITE	40 minit
Puchong	Lebuhraya LDP	25 minit
Seri Kembangan	Lebuhraya Besraya	25 minit

Lokasi ini juga berada di kedudukan yang strategik berhampiran Cyberjaya dan KLIA. Di samping itu ia berada di dalam kawasan perdana berhampiran dengan pejabat Perdana Menteri, kementerian-kementerian, agensi dan jabatan kerajaan yang lain seperti berikut:-

- Jabatan Perdana Menteri
- Kementerian Kewangan
- Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
- Kementerian Belia dan Sukan
- Kementerian Pertanian
- Perbadanan Putrajaya
- Wisma Putra



*Pembangunan di sekitar kawasan tapak cadangan.*

Persada AWQAF merupakan pelengkap keperluan usahawan dan ahli bisnes dengan kemudahan yang serba lengkap seperti berikut:-

- 1) Pusat Membeli Belah
  - Alamanda Putrajaya
  - IOI City Mall
  - AYER@8 Promenade
  
- 2) Hotel
  - Hotel Putrajaya Shangri-La
  - Hotel Putrajaya Marriot
  - Hotel Everly Putrajaya
  - Cyberview Resort & Spa
  - 101 Palm Garden
  
- 3) Hospital
  - Hospital Putrajaya
  - Hospital Kanser Putrajaya
  - Hospital Serdang
  
- 4) Universiti / Institusi Pengajian Tinggi
  - Universiti Multimedia
  - Universiti Lim Kok Wing
  - Universiti Putra Malaysia
  - Universiti Kebangsaan Malaysia
  - Universiti Tenaga Nasional
  - Kuala Lumpur Infrastructure University College

Kedudukan Kompleks Awqaf yang selari dengan Kiblat Walk Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin menjadikan kompleks ini sebagai pusat sehenti yang praktikal dan mudah diakses.



## PERSADA AWQAF PUTRAJAYA



**PELUANG UNTUK SEMUA  
MELABUR DAN BERWAKAF**



# Program perkongsian AWQAF

## BERSAMA MEDIA



Program Business Grill  
di Stesen Radio BFM  
89.9fm

Rancangan Biz  
Malaysia RTM1



**Wakaf korporat perkasa ekonomi Muslim**

Tan Sri Muhammad Ali Kashim menerangkan lagi tentang perniagaan yang mempersiarangkan konsep wakaf korporat melalui Dewan Pengurusan Islam Malaysia selepas menjadi tokoh ekonomi yang diragu menentu Johor Corporation.

**Kosmo** – Apakah maklumat tentang wakaf korporat yang anda sampaikan dalam majlis pelancaran Rencana Utama BFM? Kuda Lontong dan Muzik bersama-sama dengan tanah air kita selama bertahun-tahun. Dalam masa ini, kita mewujudkan sebuah teknologi yang membawa kita ke arah yang lebih baik. Dengan teknologi ini, kita boleh berinteraksi dengan orang lain dengan mudah dan cepat. Tetapi, kita juga perlu memastikan bahawa teknologi ini tidak mengabaikan orang-orang yang kurang berkemampuan. Oleh itu, kita perlu mencari cara untuk memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan.

**Ahli wakaf** – Wakaf korporat merupakan sebahagian daripada usaha untuk membangun ekonomi Muslim. Ia adalah suatu bentuk pengalihan kepemilikan yang dilakukan oleh korporat untuk mendukung pembangunan ekonomi Muslim. Dalam hal ini, korporat akan memberi sumbangan kepada projek-projek yang relevan dengan tujuan pembangunan ekonomi Muslim. Selain itu, korporat juga akan memberi sumbangan kepada projek-projek yang relevan dengan tujuan pembangunan ekonomi Muslim.

**Toleransi kunci dakwah holistik**

DENGARILAH dalam jaringan komuniti yang berbeza, pentingnya mendakwah dengan sikap yang terbuka dan toleran. Toleransi kunci dalam mendakwah holistik. Dalam hal ini, kita perlu memahami bahawa setiap individu memiliki kepercayaan dan nilai-nilai yang berbeza. Oleh itu, kita perlu mendakwah dengan sikap yang terbuka dan toleran. Toleransi kunci dalam mendakwah holistik.

**Artikel di Akhbar KOSMO**

## **BERSAMA AGENSI KORPORAT**



Perbadanan  
Putrajaya

Institut Kefahaman  
Islam Malaysia  
(IKIM)



Majlis Perundingan  
Melayu (MPM) &  
Majlis Amanah Rakyat  
(MARA)

Perbadanan Kemajuan  
Negeri Selangor (PKNS)



**YBhg. Tan Sri Azman  
Hashim  
Pengerusi Kumpulan  
Ambank**



**Kausar Wealth  
Management**

**Telaga Biru  
Sendirian Berhad**



**KUISCELL Sendirian  
Berhad**

## **BERSAMA AGENSI KERAJAAN**

Jabatan Mufti  
Sarawak



Kementerian  
Pengajian Tinggi (KPT)



Majlis Perundingan  
Islam (MPI)



Jabatan Akauntan  
Negara



## BERSAMA INSTITUSI PENDIDIKAN



**SYARAHAN UMUM  
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN**

**FSSK**

**“Memperkaskan Peranan Wakaf Dalam Penjanaan Hasil Di Universiti”**  
Oleh  
**Tuan Haji Mohammad Sahar Mat Din**  
Timbalan Presiden  
Dewan Perdagangan Islam Malaysia

**18 OGOS 2016**      **KHAMIS**  
9.30 PAGI

**BILIK MESYUARAT**  
**FAKULTI SAINS SOSIAL & KEMANUSIAAN**



**2016 QUARTERLY ISLAMIC FINANCE  
PUBLIC LECTURE IRCIEF-IRTI**  
“WAY FORWARD TO WAQF UNIVERSITY”

**IRCIEF**

**11 AUGUST 2016 (THURSDAY)**  
10.00 AM - 11.30 AM  
AUDITORIUM DR ZAINUDDIN JAAFAR, GROUND FLOOR, ADMINISTRATION BLOCK, KUIS

**ALL ARE WELCOME TO OUR EVENT**

**FOR ANY ENQUIRY PLEASE CONTACT:**  
Cik Nuraini Mohd Shukor  
Phone: 0129562926/ 0389117000(ext: 3525)  
Email: [ausarc@kuis.edu.my](mailto:ausarc@kuis.edu.my)

**Tun Abdullah Ahmad Badawi**  
Former Prime Minister  
Guest of Honour

**Tan Sri Ali Hashim**  
Speaker

**Y. A. Dato' Setia Ramli Mahmud**  
Chairman Perbadanan Wakaf Selangor  
Invited Guest

**Regional  
ISLAMIC ENTREPRENEURSHIP AND BUSINESS CONFERENCE (RIEBC 2016)**

**9 & 10 AUGUST 2016**  
HOLIDAY INN HOTEL, MELAKA, MALAYSIA

**Theme:**  
“Islamic Entrepreneurship and Leadership : Catalyst of Business Culture.”

**YBhg. Tan Sri Mohamed Ali Haukip**  
YBhg. Prof. Dr. Datin Dr. Mohd. Faizal Ismail  
YBhg. Dr. Mohamad Ibrahim Ibrahim  
YBhg. Dr. Mohd. Ridzuan bin Md. Ridzuan  
YBhg. Dr. Mohd. Afzaluddin bin Md. Ridzuan  
YBhg. Dr. Mohd. Sallehuddin bin Md. Ridzuan



# Program ZuriatCARE


**BERSAMA INSTITUSI PERLINDUNGAN**



## KESEDARAN MASYARAKAT



## KESEDARAN PERINGKAT UNIVERSITI



## KESEDARAN PERINGKAT SEKOLAH



*LAPORAN*  
*DAN*  
*PENYATA*  
*KEWANGAN*

# **AWQAF HOLDINGS BERHAD**

No. Syarikat: 1015578-X

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)

(Diperbadankan di Malaysia)

Laporan dan Penyata Kewangan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2015

**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)  
(Diperbadankan di Malaysia)

**LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

Isi Kandungan	Muka Surat
Maklumat Korporat	
Laporan Para Pengarah	1
Penyata Para Pengarah	5
Akuan Berkanun	6
Laporan Juruaudit Bebas	7
Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain	9
Penyata Kedudukan Kewangan	10
Penyata Perubahan Dana	11
Penyata Aliran Tunai	12
Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan	13

**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)  
(Diperbadankan di Malaysia)

**MAKLUMAT KORPORAT**

Lembaga Pengarah	: Tan Sri Muhammad Ali Bin Hashim Mohammad Sahar Bin Mat Din Dato' Seri Muhammad Khanafi Bin Husin Mohammad Tahir Bin Hashim Prof. Dato' Dr. Mohamed Razali Bin Mohamed Yusoff Tan Sri Datin Paduka Siti Sa'diah Binti Sh Bakir Prof. Dr. Eg Rabiah Adawiah Binti Engku Ali Abdul Mohsein Bin Mohd Shariff Azizah Binti Abdul Rahman
Setiausaha Syarikat	: Norhana Binti Ramli (f) (BC/N/1815)
Pejabat Berdaftar	: No. 3 Astanaz Kristal Court Jalan Kristal 7/67B Seksyen 7 40000 Shah Alam Selangor
Lokasi Utama Perniagaan	: Suite 21, PKNS BizPoint No 67B, Tingkat 1 Jalan Plumbum P/7P Seksyen 7 40000 Shah Alam Selangor
Juruaudit	: Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AF : 1300) 4-04-2, Presint Alami Pusat Perniagaan Worldwide 2 Seksyen 13 40100 Shah Alam, Selangor
Bank Utama	: Bank Islam (M) Berhad

No. Syarikat: 1015578-X

**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)  
(Diperbadankan di Malaysia)

**LAPORAN PARA PENGARAH**

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan dan penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2015.

**AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA**

Aktiviti utama Syarikat adalah untuk memperoleh, mengurus atau membangun harta, aset, tanah atau apa-apa sumbangan wakaf lain dengan bertujuan memenuhi keperluan agama, kebajikan, dan pendidikan untuk manfaat masyarakat Islam.

Tiada perubahan ketara dalam aktiviti-aktiviti utama dalam tempoh tahun berakhir.

**KEPUTUSAN KEWANGAN**

	RM
Kurangan tahun semasa	<u>303,513</u>

**RIZAB DAN PERUNTUKAN**

Tidak ada pindahan yang penting daripada rizab atau peruntukan di sepanjang tahun kewangan.

**PARA PENGARAH**

Para Pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh laporan yang lepas adalah:

Tan Sri Muhammad Ali Bin Hashim  
Mohammad Sahar Bin Mat Din  
Dato' Seri Muhammad Khanafi Bin Husin  
Mohammad Tahir bin Hashim (Bersara pada 27 Januari 2016)  
Prof. Dato' Dr. Mohamed Razali bin Mohamed Yusoff  
Tan Sri Datin Paduka Siti Sa'diah binti Sh Bakir  
Prof. Dr. Eg Rabiah Adawiah binti Engku Ali  
Abdul Mohsein bin Mohd Shariff  
Azizah binti Abdul Rahman (Dilantik pada 7 Disember 2015)

Syarikat ini merupakan sebuah syarikat berhad dengan jaminan tanpa syer dan oleh itu ianya tidak mempunyai saham di mana para pengarah boleh mempunyai sebarang kepentingan.

**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)  
(Diperbadankan di Malaysia)

**MANFAAT PARA PENGARAH**

Sejak akhir tahun kewangan yang lalu, tiada Pengarah Syarikat telah menerima atau mendapat kelayakan untuk menerima manfaat (selain manfaat yang termasuk dalam jumlah ganjaran diterima atau terkumpul seperti yang ditunjukkan dalam penyata kewangan atau pendapatan tetap sebagai pekerja sepenuh masa perbadanan induk) di bawah perjanjian yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma di mana Pengarah adalah ahli atau dengan syarikat di mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang nyata selaras dengan Seksyen 169 (8) Akta syarikat, 1965.

**MAKLUMAT- MAKLUMAT BERKANUN LAIN**

Sebelum penyata kedudukan kewangan dan penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain Syarikat disediakan, Para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan bahawa:

- a) semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira dan peruntukan/elaun secukupnya telah dibuat terhadap hutang rugu/kemerosotan nilai, dan
- b) semua aset semasa yang tidak mungkin direalisasikan melalui urusan perniagaan biasa pada nilainya seperti yang ditunjukkan di dalam rekod perakaunan Syarikat telah dikurangkan nilainya kepada amaun yang disyorkan boleh direalisasikan.

Sepanjang pengetahuan Para Pengarah, pada tarikh laporan ini, tidak wujud sebarang keadaan yang boleh menyebabkan:

- a) jumlah dihapus kira bagi hutang lapuk atau jumlah yang diperuntukkan bagi hutang rugu di dalam penyata kewangan Syarikat tidak mencukupi dengan jumlah yang ketara, atau
- b) yang menyebabkan nilai aset semasa Syarikat dalam penyata kewangan Syarikat mengelirukan, atau
- c) yang timbul sehingga cara menilai aset dan liabiliti sedia ada Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai, atau
- d) yang sebaliknya tidak dilaporkan dalam laporan ini atau akaun, yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam laporan kewangan Syarikat mengelirukan.

**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)  
(Diperbadankan di Malaysia)

**MAKLUMAT- MAKLUMAT BERKANUN LAIN (SAMBUNGAN)**

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- a) sebarang harta Syarikat yang telah dicagar pada akhir tahun kewangan ini dan telah menjadi sandaran bagi tanggungan-tanggungan pihak lain, atau
- b) sebarang tanggungan luarjangka yang berhubung dengan Syarikat sejak akhir tahun kewangan ini.

Tiada tanggungan luarjangka atau tanggungan-tanggungan lain bagi Syarikat yang akan berkuatkuasa, atau mungkin akan berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan sejak akhir tahun kewangan ini yang, pada pendapat Para Pengarah, akan atau mungkin akan memberi kesan yang mendalam kepada keupayaan Syarikat untuk menunaikan tanggungjawabnya apabila sampai tempohnya kelak.

Para pendapat Para Pengarah, penghasilan dari operasi Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 tidak dipengaruhi secara ketara oleh sebarang perkara, urusniaga atau kejadian yang penting dan luar biasa berlaku dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini.


No. Syarikat: 1015578-X

**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)  
(Diperbadankan di Malaysia)


**JURUAUDIT**

Juruaudit, **TETUAN AFRIZAN TARMILI KHAIRUL AZHAR**, telah menyatakan kesanggupan mereka menerima pelantikan semula.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi Para Pengarah,



**TAN SRI MUHAMMAD ALI BIN HASHIM**  
Pengarah



**MOHAMMAD SAHAR BIN MAT DIN**  
Pengarah

Shah Alam, Selangor

Tarikh : **26 APR 2016**


No. Syarikat: 1015578-X

**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)  
(Diperbadankan di Malaysia)


**PENYATA PARA PENGARAH  
MENURUT SEKSYEN 169 (15) AKTA SYARIKAT , 1965**

Kami, **TAN SRI MUHAMMAD ALI BIN HASHIM** dan **MOHAMMAD SAHAR BIN MAT DIN**, selaku dua daripada para pengarah **AWQAF HOLDINGS BERHAD**, dengan ini menyatakan, Para Pengarah berpendapat bahawa penyata kewangan telah disediakan dengan sempurna mengikut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia, Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa dan Peruntukan Akta Syarikat, 1965, untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2015 dan prestasi dan aliran tunai kewangan Syarikat untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi Para Pengarah,



**TAN SRI MUHAMMAD ALI BIN HASHIM**  
Pengarah



**MOHAMMAD SAHAR BIN MAT DIN**  
Pengarah

Shah Alam, Selangor

Tarikh : **26 APR 2016**


No. Syarikat: 1015578-X

**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)  
(Diperbadankan di Malaysia)

**AKUAN BERKANUN  
MENURUT SEKSYEN 169 (16) AKTA SYARIKAT , 1965**


Saya, **HAFIDZAMZAHRY BIN OTHMAN**, Pegawai yang bertanggungjawab di atas pengurusan kewangan dan rekod perakaunan **AWQAF HOLDINGS BERHAD**, dengan ikhlas mengaku bahawa penyata kewangan yang disertakan mengenai kedudukan dan penyata pendapatan, aliran tunai dan perubahan dana, adalah, pada pendapat saya, betul dan saya membuat pengakuan ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ianya benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh penama di }  
atas **HAFIDZAMZAHRY BIN OTHMAN** di }  
Shah Alam, Selangor pada }  
**26 APR 2016**



**HAFIDZAMZAHRY BIN OTHMAN**

Di hadapan saya,  
\_\_\_\_\_  
Pesuruhjaya Sumpah  
\_\_\_\_\_  
Shah Alam, Selangor



No. 7-1F  
Jln. Boling Padang G 13/G,  
Seksyen 13 40100 Shah Alam  
Selangor



AFRIZAN TARMILI KHAIRUL AZHAR  
Chartered Accountants (AF1300)

Aftaas, 2, Jalan Rampai Niaga 2, Rampai Business Park, 53300, Kuala Lumpur  
(603) 4143 9330 (603) 4142 9330 aftaas@aftaas.com

No. Syarikat: 1015578-X

## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI AWQAF HOLDINGS BERHAD

### Laporan ke atas Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan **AWQAF HOLDINGS BERHAD**, yang mengandungi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2015, penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain, penyata perubahan dana dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, rumusan dasar-dasar perakaunan dan lain-lain nota keterangan yang dibentangkan pada muka surat 9 hingga 28.

### Tanggungjawab Pengarah terhadap Penyata Kewangan

Pengarah-pengarah Syarikat adalah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan ini yang memberi pandangan yang benar dan saksama menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan untuk kawalan dalaman sedemikian sebagaimana yang ditentukan oleh pengarah-pengarah adalah perlu untuk memastikan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, penipuan atau ralat, pemilihan dan pelaksanaan polisi perakaunan yang sewajarnya dan membuat anggaran-anggaran perakaunan yang munasabah.

### Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat mengenai penyata kewangan ini, berdasarkan audit kami. Kami telah menjalankan audit mengikut Piawaian Pengauditan berkenaan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan ini bebas dari salah nyata yang ketara.

Audit merangkumi pelaksanaan prosedur-prosedur bagi memperoleh bukti yang menyokong jumlah dan pendedahan di dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih adalah berdasarkan kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian ke atas risiko salah nyata penting pada penyata kewangan; sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko terbabit, kami mengambil kira kawalan dalaman yang relevan kepada penyediaan dan persembahan yang saksama Syarikat, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Syarikat. Audit juga termasuk menilai terhadap prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh Para Pengarah, di samping menilai pembentangan penyata kewangan secara keseluruhan.

Kami percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah terhadap pendapat audit kami.

Member of Parker Randall International



Parker Randall

• Kuala Lumpur

• Shah Alam

• Kuantan

• Ipoh

• Kota Bharu

No. Syarikat: 1015578-X

## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI AWQAF HOLDINGS BERHAD (SAMBUNGAN)

### Pendapat


Pada pendapat kami, penyata kewangan telah disediakan dengan wajarnya bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2015, dan prestasi dan aliran tunai kewangan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia, Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa dan Peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

### Laporan Mengenai Perundangan dan Syarat-syarat Berkanun


Pada pendapat kami juga, rekod-rekod perakaunan dan lain-lain rekod, termasuk daftar-daftar, yang dikehendaki oleh Akta Syarikat, 1965 supaya disimpan oleh Syarikat telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan-peruntukan Akta tersebut.

### Lain-lain Perkara

Laporan ini disediakan hanya kepada ahli-ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, berdasarkan Seksyen 174, Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan tanpa tujuan lain. Kami tidak mempunyai tanggungjawab kepada pihak-pihak lain terhadap kandungan laporan ini.



AFRIZAN TARMILI KHAIRUL AZHAR  
AF : 1300  
Akauntan Bertauliah  
Shah Alam, Selangor



HAJI TARMILI DULAH KUSNI  
Akauntan Bertauliah  
1735/01/18 (J)  
Rakan Kongsi

Tarikh: 26 APR 2016



No. Syarikat: 1015578-X

**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)  
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

	Nota	2015 RM	Dinyatakan semula 2014 RM
<b>Hasil</b>	5	<b>1,300</b>	-
Lain - lain pendapatan		1,143	143
Perbelanjaan pentadbiran dan operasi		(305,956)	(7,498)
<b>Kurangan daripada aktiviti operasi</b>	6	<b>(303,513)</b>	<b>(7,355)</b>
Cukai	7	-	-
<b>Kurangan tahun semasa / Kerugian komprehensif bagi tahun berakhir</b>		<b>(303,513)</b>	<b>(7,355)</b>

**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
 (Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)  
 (Diperbadankan di Malaysia)

**KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2015**

	Nota	2015 RM	Dinyatakan semula 2014 RM
<b>Aset-aset Bukan Semasa</b>			
Peralatan	8	<b>6,708</b>	-
Kos pembangunan	9	<b>400,000</b>	<b>30,000</b>
		<b>406,708</b>	<b>30,000</b>
<b>Aset-aset Semasa</b>			
Penghutang dan deposit	10	<b>4,030,600</b>	-
Pemegang amanah	11	<b>2,630,068</b>	-
Baki tunai dan bank	12	<b>390,085</b>	<b>264,945</b>
		<b>7,050,753</b>	<b>264,945</b>
<b>Liabiliti Semasa</b>			
Pemutang dan pendahuluan	13	<b>6,583,379</b>	<b>1,000</b>
		<b>6,583,379</b>	<b>1,000</b>
<b>Aset Semasa Bersih</b>			
		<b>467,374</b>	<b>263,945</b>
		<b>874,082</b>	<b>293,945</b>
<b>Dana</b>			
Modal wakaf korporat	14	<b>1,040,600</b>	<b>303,500</b>
Modal Khas-ZuriatCare	15	<b>146,550</b>	-
Kurangan terkumpul		<b>(313,068)</b>	<b>(9,555)</b>
		<b>874,082</b>	<b>293,945</b>

**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
 (Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)  
 (Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA PERUBAHAN DANA**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

Nota	Tidak boleh diagihkan		Boleh diagihkan		Jumlah RM
	Modal dana wakaf korporat	Modal dana khas- zuriatcare	Lebihan/ (Kurangan) terkumpul	RM	
Pada 1 Januari 2014, sebelum pelarasan	-	-	(2,200)	(2,200)	
Lebihan pada tahun semasa	-	-	266,145	266,145	
Pada 31 Disember 2014, sebelum pelarasan	-	-	263,945	263,945	
Pelarasan tahun sebelum; 18					
- kos pembangunan	-	-	30,000	30,000	
- modal dana wakaf korporat	303,500	-	(303,500)	-	
Jumlah pelarasan	303,500	-	(273,500)	30,000	
Pada 31 Disember 2014, selepas pelarasan	303,500	-	(9,555)	293,945	
<b>Pada 1 Januari 2015</b>	<b>303,500</b>	<b>-</b>	<b>(9,555)</b>	<b>293,945</b>	
<b>Kurangan tahun semasa</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>(303,513)</b>	<b>(303,513)</b>	
<b>Penerimaan dana</b>	<b>737,100</b>	<b>146,550</b>		<b>883,650</b>	
<b>Pada 31 Disember 2015</b>	<b>1,040,600</b>	<b>146,550</b>	<b>(313,068)</b>	<b>874,082</b>	

**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
 (Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)  
 (Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA ALIRAN TUNAI  
 BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

	Nota	2015 RM	Dinyatakan semula 2014 RM
<b>Aliran tunai daripada aktiviti operasi</b>			
Kurangan sebelum cukai		<b>(303,513)</b>	(7,355)
<i>Pelarasan untuk:</i>			
Susutnilai peralatan		1,318	-
Kerugian operasi sebelum perubahan dalam modal kerja		<b>(302,195)</b>	(7,355)
<i>Perubahan dalam modal kerja:</i>			
Penghutang dan deposit		(4,030,600)	-
Pemegang amanah		(2,630,068)	-
Pembiayaan dan pendahuluan		6,582,379	(1,200)
Kos pembangunan		<b>(370,000)</b>	(30,000)
Tunai digunakan dalam aktiviti operasi		<b>(750,484)</b>	(38,555)
<b>Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan</b>			
Pembelian peralatan		<b>(8,026)</b>	-
Tunai digunakan dalam aktiviti pelaburan		<b>(8,026)</b>	-
<b>Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan</b>			
Penerimaan dana wakaf		737,100	303,500
Penerimaan dana khas		146,550	-
Tunai diperolehi daripada aktiviti pembiayaan		<b>883,650</b>	303,500
<b>Lebihan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai</b>		<b>125,140</b>	264,945
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari</b>		<b>264,945</b>	-
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember</b>	12	<b>390,085</b>	<b>264,945</b>

**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

**1. MAKLUMAT KORPORAT**

Objektif Syarikat adalah untuk membangunkan bisnes, menghimpun aset, menambah nilai dan memupuk daya keusahawanan generasi baru, menjana peluang ekonomi baru, memakmurkan masyarakat dan negara menerusi kaedah bisnes dan korporat bersumberkan dana wakaf. Ianya bertujuan menjadi sebuah institusi wakaf korporat untuk merealisasikan matlamat jihad bisnes.

Syarikat ini diperbadankan dan diuruskan di Malaysia sebagai sebuah syarikat berhad dengan jaminan, tanpa modal saham.

Aktiviti-aktiviti utama adalah untuk memperoleh, mengurus, atau membangun harta, aset, tanah atau apa-apa sumbangan wakaf bertujuan memenuhi keperluan agama, kebajikan, pendidikan untuk manfaat masyarakat Islam. Tiada perubahan ketara dalam aktiviti-aktiviti utama dalam tempoh tahun berakhir.

Pejabat berdaftar adalah No 3 Astanaz Kristal Court, Jalan Kristal 7/67B, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor dan lokasi utama perniagaan terletak di Suite 21, PKNS BizPoint, No 67B, Tingkat 1, Jalan Plumbum P/7P, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

**2. DASAR PERAKAUNAN PENTING**

**(a) Penyata pematuhan**

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan mengikut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Penyata kewangan telah disediakan berdasarkan kos sejarah kecuali dinyatakan selebihnya di dalam dasar-dasar perakaunan di bawah.

**(b) Hartanah, loji dan peralatan**

**(i) Pengiktirafan dan ukuran**

Loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai.

Kos termasuk semua perbelanjaan yang terlibat secara langsung dalam pembelian aset dan sebarang kos lain yang secara langsung digunakan agar aset dapat berfungsi untuk tujuan penggunaannya, dan kos untuk membuka dan menanggalkan peralatan ini dan kos pemulihan tapak di mana loji dan peralatan ditempatkan.

**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)**

**2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**(b) Hartanah, loji dan peralatan (sambungan)**

**(i) Pengiktirafan dan ukuran (sambungan)**

Kos asset yang dibina sendiri termasuk kos bahan dan pekerja langsung dan untuk asset yang bersamaan, kos pinjaman dijadikan sebagai kos asset tetap mengikut prinsip-prinsip perakaunan Syarikat. Perisian yang dibeli untuk membolehkan kelengkapan berkaitan dapat dijadikan sebagai sebahagian daripada kos peralatan tersebut.

**(ii) Susutnilai**

Susutnilai diiktiraf dalam penyata pendapatan atas dasar garis lurus di sepanjang anggaran jangka hayat berguna setiap bahagian sesebuah butiran hartanah, loji dan peralatan. Tanah pegangan bebas tidak disusut nilai. Hartanah, loji dan peralatan dalam proses pembinaan tidak disusut nilai sehingga asset-asset tersebut sedia untuk digunakan.

Anggaran hayat gunaan untuk tempoh semasa dan perbandingan adalah seperti yang berikut:

Komputer dan perisian	33.3%
Peralatan pejabat	20%

Kaedah susutnilai, hayat gunaan dan nilai baki dinilai semula pada akhir tempoh kewangan.

**(c) Tunai dan kesetaraan tunai**

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada wang tunai di tangan, baki dan deposit di institusi kewangan berlesen dan pelaburan berkecairan tinggi yang mempunyai risiko rendah untuk berubah nilai dengan tempoh matang yang asal diantara 3 bulan atau kurang dan digunakan oleh Syarikat untuk menguruskan penglibatan jangka pendek. Bagi tujuan penyediaan penyata aliran tunai, tunai dan bersamaan tunai dinyatakan bersih dari deposit yang dicagarkan.

**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)**

**2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**(d) Rosot nilai**

**(i) Aset-aset kewangan**

Kesemua aset kewangan adalah dinilai pada setiap tarikh laporan samada wujud sebarang bukti objektif rosot nilai akibat daripada berlakunya satu atau lebih situasi kewangan yang memberi kesan kepada anggaran nilai masa depan aliran tunainya. Kerugian yang dijangkakan daripada kejadian masa depan, tidak kira apa sekali pun, tidak diiktiraf. Untuk instrumen ekuiti, sebarang penurunan yang ketara dan berlanjutan ke atas nilai saksama dibawah kos ialah bukti objektif untuk rosot nilai.

Kerugian rosot nilai berkaitan dengan pinjaman dan belum terima diiktiraf dalam untung atau rugi dan diukur sebagai perbezaan diantara nilai bawaan aset dengan jangkaan nilai semasa aliran tunai jangkaan masa depan yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset tersebut. Nilai bawaan aset dikurangkan dengan menggunakan sebuah akaun elauan.

Jika dalam tempoh kewangan berikutnya, nilai saksama instrumen hutang meningkat dan peningkatan ini boleh dikaitkan secara objektif dengan peristiwa kewangan yang berlaku selepas kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi, maka kerugian rosot nilai ini dibalikkan, pada suatu peringkat di mana nilai bawaan aset tidak melebihi nilai bawaan rosotnilai yang tidak diiktiraf pada tarikh rosotnilai ini dibalikkan. Nilai pembalikan ini diiktiraf dalam untung atau rugi.

**(ii) Aset bukan kewangan**

Nilai dibawa aset-bukan kewangan adalah dikaji pada setiap tempoh akhir laporan bagi menentukan samada berlaku sebarang petunjuk rosot nilainya.

Jika sebarang tanda ini wujud, maka nilai boleh pulih asset akan dianggarkan. Bagi tujuan pengujian kemerosotan nilai bagi aset ini, aset akan dikumpulkan bersama dengan kumpulan terkecil aset yang menjana aliran tunai daripada penggunaan yang berterusan dimana sebahagian besarnya bebas daripada aliran tunai aset atau kumpulan aset (unit menjana-tunai).

Nilai boleh pulih aset atau unit janaan-tunai adalah nilai mana lebih tinggi antara nilai gunaan dan nilai saksama ditolak kos jualan.

**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)**

**2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**(d) Rosot nilai (sambungan)**

**(ii) Aset bukan kewangan (sambungan)**

Dalam menganggar nilai gunaan, nilai anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan kepada nilai kini, menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan anggaran nilai pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset ini.

Kerugian rosot nilai diiktiraf jika nilai bawaan aset tersebut atau unit-janaan tunainya melebihi nilai boleh pulih. Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

Bagi aset-aset lain, kerugian rosot nilai diiktiraf dalam tempoh sebelumnya akan dianggarkan pada setiap tempoh akhir pelaporan bagi sebarang petunjuk yang menunjukkan kerugian telah menurun atau tidak lagi wujud.

Kerugian rosot nilai akan dibalikkan jika berlaku sebarang perubahan dalam nilai anggaran yang digunakan untuk menentukan nilai boleh pulih daripada kerugian rosot nilai terakhir diiktiraf. Kerugian rosot nilai dibalikkan hanya pada peringkat nilai bawaan aset tidak melebihi nilai bawaan bersih yang telah ditentukan selepas susut nilai atau pelunasan, jika tiada kerugian rosot nilai telah diiktiraf. Pembalikkan kerugian rosot nilai direkodkan pada untung atau rugi dalam tahun dimana pembalikkan itu telah diiktiraf.

**(e) Pemiutang**

Pemiutang dinyatakan pada jangka masa awal dan seterusnya pada kos. Pemiutang diiktiraf apabila wujudnya tanggungan untuk membayar tunai atau harta kewangan yang lain kepada entiti lain.

**(f) Penghutang**

Penghutang dibawa pada nilai yang dijangka boleh direalisasi. Hutang lapuk dihapus kira dalam tahun di mana ia dikenalpasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu berdasarkan semakan amaun tertunggak pada akhir tahun kewangan ini.

**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)**

**2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**(g) Belanja cukai**

Cukai ke atas keuntungan atau kerugian tahun semasa mengandungi cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai pendapatan diiktiraf di dalam penyata pendapatan kecuali berkaitan dengan perkara-perkara yang diiktiraf terus dalam ekuiti di mana cukai berkenaan akan diiktiraf di dalam ekuiti.

Cukai semasa adalah cukai yang dijangka akan dibayar ke atas pendapatan boleh cukai pada tahun semasa, berdasarkan kadar cukai diwartakan atau sebahagian besarnya diwartakan pada tarikh kunci kira-kira, dan sebarang pelarasaran kepada cukai dibayar yang berkaitan dengan tahun-tahun terdahulu.

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah liabiliti atas perbezaan sementara yang terhasil di antara asas cukai harta dan tanggungan dan nilai bawaannya di dalam penyata kewangan. Perbezaan sementara tidak diiktiraf bagi muhibah yang tidak dibenarkan bagi tujuan perculaian, dan pada permulaan pengiktirafan harta atau tanggungan di mana pada masa transaksi ianya tidak mempengaruhi keuntungan akaun dan keuntungan boleh dikenakan cukai. Jumlah cukai tertunda yang diperuntukkan adalah berdasarkan kepada jangkaan cara realisasi atau penyelesaian bagi nilai bawaan harta dan tanggungan, menggunakan kadar cukai diwartakan atau sebahagian besarnya diwartakan pada tarikh kunci kira-kira.

Tanggungan cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dikenakan cukai.

Harta cukai tertunda diiktiraf hanya pada masa ianya berkemungkinan keuntungan boleh dikenakan cukai di masa hadapan boleh diperolehi dimana harta cukai tertunda boleh digunakan.

**(h) Ukuran nilai saksama**

Nilai saksama aset atau liabiliti, kecuali untuk pembayaran yang berasaskan saham dan urus niaga pajakan, ditentukan sebagai harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran ini menganggap bahawa urus niaga untuk menjual aset itu atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada di pasaran utama atau dalam ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran yang paling menguntungkan.

**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)**

**2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**(h) Ukuran nilai saksama (sambungan)**

Bagi aset bukan kewangan, ukuran nilai saksama mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi dengan menggunakan aset tersebut dalam penggunaan sebaik dan sepenuhnya atau dengan menjualnya kepada kumpulan peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset tersebut dalam penggunaan sebaik dan sepenuhnya.

Apabila mengukur nilai saksama aset atau liabiliti, pihak Syarikat menggunakan data pasaran boleh diperhatikan sejauh mungkin. Nilai saksama adalah dikategorikan kepada peringkat yang berbeza dalam hirarki nilai saksama berdasarkan penggunaan input dalam teknik penilaian seperti berikut:

Peringkat 1 : Harga yang disebut harga (tidak terlaras) di pasaran aktif untuk aset-aset atau liabiliti-liabiliti yang serupa dimana Syarikat boleh mengakses pada tarikh pengukuran.

Peringkat 2 : Input selain daripada harga yang disebut harga yang terangkum dalam Peringkat 1 yang mana boleh dipantau bagi aset atau liabiliti, samada secara langsung atau tidak langsung.

Peringkat 3 : Input bagi aset atau liabiliti yang bukan berasaskan data pasaran yang boleh dipantau (input tidak boleh dipantau).

Pihak syarikat mengiktiraf pemindahan antara peringkat hirarki nilai saksama pada tarikh peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menyebabkan permindahan.

**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)**

**2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**(i) Manfaat kepada pekerja**

**(i) Manfaat pekerja jangka pendek**

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar, bonus dan manfaat bukan kewangan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Syarikat.

**(ii) Pelan caruman tetap**

Syarikat dikehendaki oleh undang-undang untuk membuat caruman bulanan kepada Kumpulan Wang Simpanan ("KWSP"), sebuah pelan caruman berkanun yang ditetapkan untuk semua pekerja mereka yang layak berdasarkan kadar yang telah ditentukan daripada pekerja-pekerja yang bersara.

Sumbangan Syarikat kepada dana dicaj kepada penyata pendapatan dalam tahun kewangan yang mana ia berkaitan. Apabila caruman telah dibayar, Syarikat tidak mempunyai obligasi pembayaran selanjutnya.

**(j) Peruntukan**

Peruntukan dibuat apabila Syarikat mempunyai tanggungan semasa (perundangan atau konstruktif) akibat daripada peristiwa lepas, apabila terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut, dan apabila anggaran yang pasti jumlahnya boleh dibuat.

Peruntukan diukur pada anggaran terbaik para pengarah bagi perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi pada tarikh kunci kira-kira, dan didiskaunkan kepada nilai semasa di mana kesannya adalah ketara.

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, peruntukan akan disemak semula oleh para pengarah dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Peruntukan dibalikkan jika ia tidak lagi berkemungkinan bahawa Syarikat akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)**

**2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)**

**(k) Kos pembangunan hartanah**

Tanah di mana pembangunan telah bermula dan dijangka siap dalam tempoh kitaran operasi biasa termasuk dalam kos pembangunan hartanah. Kos pembangunan hartanah meliputi kos berkaitan dengan pengambilalihan tanah dan semua kos berkait secara langsung dengan aktiviti pembangunan atau yang boleh diperuntukkan atas dasar munasabah kepada aktiviti-aktiviti ini.

Hasil pembangunan hartanah diiktiraf bagi semua unit yang dijual menggunakan kaedah peratusan siap, dengan merujuk kepada peringkat penyiapan projek-projek pembangunan hartanah pada tarikh kunci kira-kira seperti yang diukur oleh nisbah kos pembangunan yang ditanggung bagi kerja yang dilakukan hingga kini kepada anggaran jumlah kos pembangunan hartanah yang dianggarkan telah siap.

Kerugian yang dijangka ke atas pembangunan hartanah disediakan nilai sepenuhnya. Di mana pendapatan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif melebihi bil kepada pembeli, baki ditunjukkan sebagai bil terakru dalam pengutang lain, deposit dan bayaran terdahulu. Apabila bayaran kepada pembeli melebihi pendapatan yang diiktiraf dalam penyata pendapatan, baki ditunjukkan sebagai tuntutan akruan di bawah pemutang dan akruan lain.

**(l) Pendapatan**

**Yuran pendaftaran**

Yuran pendaftaran diiktiraf atas dasar akruan.

**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)**

**3. PERUBAHAN DALAM DASAR PERAKAUNAN DAN KESAN YANG TIMBUL  
DARIPADA PENGGUNAAN DISEMAK MFRS, PINDAAN KEPADA MFRS DAN  
TAFSIRAN**

Berikut adalah piawaian perakaunan, pindaan dan tafsiran rangka kerja MFRS yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") tetapi belum diterima pakai oleh Syarikat:

***MFRSs, tafsiran dan pindaan dan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016***

- MFRS 14, *Regulatory Deferral Accounts*
- Pindaan ke atas MFRS 5, *Aset Bukan Semasa Dipergang untuk Jualan dan Penamatan Kendalian (Peningkatan Tahunan Kitaran 2012-2014)*
- Pindaan ke atas MFRS 7, *Instrumen Kewangan: Pendedahan (Peningkatan Tahunan Kitaran 2012-2014)*
- Pindaan ke atas MFRS 11, *Pengaturan Bersama – Perakaunan untuk Pengambilalihan Kepentingan dalam Operasi Bersama*
- Pindaan ke atas MFRS 101, *Pembentangan Penyata Kewangan- Inisiatif Pendedahan*
- Pindaan ke atas MFRS 116, *Hartanah, Loji dan Peralatan dan MFRS 141, Pertanian-Pertanian: Tanaman Pembawa*
- Pindaan ke atas MFRS 119, *Manfaat Kakitangan-Pelan Manfaat Wajib: Sumbangan Pekerja (Peningkatan Tahunan Kitaran 2012-2014)*
- Pindaan ke atas MFRS 127, *Penyata Kewangan Berasingan*

***MFRS, tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018***

- MFRS 9, *Instrumen Kewangan (2014)*
- MFRS 15, *Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan*

Gunapakai permulaan piawaian, pindaan dan tafsiran lain dijangka tidak memberi sebarang kesan kewangan yang penting ke atas penyata kewangan tempoh semasa dan sebelum syarikat pada permulaan penggunaannya.

**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)**

**4. PERTIMBANGAN KRITIKAL PERAKAUNAN DAN SUMBER UTAMA KETIDAKPASTIAN ANGGARAN**

**(i) Pertimbangan kritikal dalam menggunakan polisi perakaunan Syarikat**

Dalam proses mengguna pakai dasar perakaunan Syarikat, yang diterangkan dalam Nota 2 di atas, pihak pengurusan berpendapat bahawa tidak ada keadaan penggunaan penghakiman yang dijangka mempunyai kesan ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

**(ii) Sumber utama ketidakpastian anggaran**

Pihak pengurusan percaya bahawa tiada anggapan utama dibuat mengenai masa depan, dan sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh kunci kira-kira yang mempunyai risiko besar menyebabkan pelarasan ketara kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang.

**5. HASIL**

	Dinyatakan semula	2014
	2015	RM
Yuran pendaftaran	<u>1,300</u>	-
	<u>1,300</u>	-

**6. KURANGAN DARIPADA AKTIVITI OPERASI**

(a) Jumlah-jumlah berikut telah diambilkira dalam pengiraan kurangan sebelum cukai:

	2015	2014
	RM	RM
Ganjaran juruaudit	4,500	1,000
Sewa pejabat	29,400	-
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	1,318	-
Elaun pengarah	31,000	-
Hibah bank	<u>(1,143)</u>	<u>(143)</u>

**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)**

**6. KURANGAN DARIPADA AKTIVITI OPERASI (SAMBUNGAN)**

(b) Maklumat kakitangan

	2015	2014
	RM	RM
Gaji dan elaun	68,500	-
EPF	8,220	-
SOCSO	413	-
	<hr/>	<hr/>

Jumlah kakitangan pada 31 Disember 2015 adalah dua (2014: sifar).

**7. CUKAI**

Tiada peruntukan cukai memandangkan kurangan yang ditanggung dalam tahun kewangan.

Penyesuaian perbelanjaan cukai pendapatan ke atas kurangan sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun kepada perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar cukai pendapatan efektif Syarikat adalah seperti berikut:

	2015	2014
	RM	RM
Kurangan sebelum cukai	<hr/> <b>(303,513)</b>	<hr/> <b>(7,355)</b>
Kadar cukai pendapatan Malaysia 25%	(75,878)	(1,839)
<i>Kesan cukai daripada:</i>		
Perbelanjaan tidak ditolak bagi tujuan cukai	3,526	1,249
Cukai tertunda aset tidak diktiraf berkaitan dengan kerugian cukai tahun semasa	<hr/> <b>72,352</b>	<hr/> <b>590</b>
	<hr/> <b>-</b>	<hr/> <b>-</b>

Cukai tertunda aset / (liabiliti) yang tidak diiktiraf di penyata untung atau rugi adalah seperti berikut:

	2015	2014
	RM	RM
Kerugian cukai yang belum digunakan	295,260	2,355
Perbezaan masa berkaitan lebihan amaun aset yang dibawa dengan nilai bersih aset	<hr/> <b>(3,498)</b>	<hr/> <b>-</b>

No. Syarikat: 1015578-X

**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)**

**8. PERALATAN**

	Komputer & perisian	Peralatan pejabat	Total
	RM	RM	RM
<b>Nilai buku bersih</b>			
Pada 1 Januari 2015	-	-	-
Tambahan	6,547	1,479	8,026
Caj susut nilai	(1,071)	(247)	(1,318)
Pada 31 Disember 2015	<u>5,476</u>	<u>1,232</u>	<u>6,708</u>
Pada 31 Disember 2015			
Kos	6,547	1,479	8,026
Susutnilai terkumpul	(1,071)	(247)	(1,318)
Nilai buku bersih	<u>5,476</u>	<u>1,232</u>	<u>6,708</u>
Pada 31 Disember 2014			
Kos	-	-	-
Susutnilai terkumpul	-	-	-
Nilai buku bersih	-	-	-

**9. KOS PEMBANGUNAN**

	2015 RM	2014 RM
<b>Kos pembangunan:</b>		
Pada 1 Januari 2015	-	-
Kos pada tahun semasa	<u>400,000</u>	<u>30,000</u>
Pada 31 Disember 2015	<u>400,000</u>	<u>30,000</u>

Kos pembangunan merupakan kos untuk membangunkan kompleks bangunan komersial yang dikenali sebagai 'Awqaf Corporate Park Putrajaya' dengan menggunakan dana wakaf yang diterima.

No. Syarikat: 1015578-X

**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)**

**10. PENGHUTANG DAN DEPOSIT**

	2015 RM	2014 RM
Deposit pembelian tanah	<b>4,025,000</b>	-
Deposit sewa	<b>5,600</b>	-
	<b><u>4,030,600</u></b>	<b><u>-</u></b>

**11. PEMEGANG AMANAH**

	2015 RM	2014 RM
Pemegang amanah	<b>2,630,068</b>	-
	<b><u>2,630,068</u></b>	<b><u>-</u></b>

Pemegang amanah merujuk kepada peguam syarikat yang memegang wang pendahuluan pembelian pembangunan 'Awqaf Corporate Park Putrajaya'.

**12. BAKI TUNAI DAN BANK**

	2015 RM	2014 RM
Tunai di Bank	<b><u>390,085</u></b>	<b><u>264,945</u></b>

**13. PEMIUTANG DAN PENDAHULUAN**

	2015 RM	2014 RM
Pemiutang perdagangan	300,000	-
Pendahuluan	2,630,068	-
Lain-lain pemiutang	3,643,339	-
Akruan	<b>9,972</b>	<b>1,000</b>
	<b><u>6,583,379</u></b>	<b><u>1,000</u></b>

Pendahuluan merupakan bayaran pendahuluan untuk pembelian unit projek pembangunan 'Awqaf Corporate Park Putrajaya'.

**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)**

**14. MODAL DANA WAKAF KORPORAT**

	2015 RM	2014 RM	Dinyatakan semula
Baki pada 1 Januari	303,500	-	
Penerimaan pada tahun semasa	<u>737,100</u>	<u>303,500</u>	
Baki pada 31 Disember	<u><u>1,040,600</u></u>	<u><u>303,500</u></u>	

**15. MODAL DANA KHAS - ZURIATCARE**

	2015 RM	2014 RM
Baki pada 1 Januari	-	-
Penerimaan pada tahun semasa	<u>151,550</u>	-
Agihan pada tahun kewangan	<u>(5,000)</u>	-
Baki pada 31 Disember	<u><u>146,550</u></u>	<u><u>-</u></u>

**16. KOMITMEN MODAL**

	2015 RM	2014 RM
Hartanah	-	-
Diluluskan dan dikontrakkan	<u>31,500,000</u>	-
	<u><u>31,500,000</u></u>	<u><u>-</u></u>

Pada 26 Mac 2015, Awqaf Holdings Berhad telah menandatangani perjanjian jual beli dengan Putrajaya Holdings Berhad untuk membeli sebidang tanah pegangan bebas berjumlah RM35,000,000 dibawah GRN 823, Lot 1 Presint 3, Putrajaya untuk membangunkan bangunan komersial. Awqaf Holdings Berhad telah membayar 10% pendahuluan tanah berjumlah RM3,500,000 termasuk cukai barang dan perkhidmatan sebanyak RM525,000 (Nota 10) dan mempunyai komitmen modal sebanyak RM31,500,000 pada tahun semasa.

**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)**

**17. OBJEKTIF DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN**

Aktiviti Syarikat terdedah kepada pelbagai risiko kewangan, termasuk risiko kecairan dan aliran tunai. Objektif pengurusan risiko kewangan Syarikat adalah untuk memastikan bahawa terdapat tahap kecairan yang mencukupi dan keupayaan untuk membiayai operasi Syarikat, dengan tujuan untuk meminimumkan potensi kesan buruk ke atas prestasi kewangan Syarikat dan mewujudkan nilai untuk ahli-ahli Awqaf Holdings Berhad.

Pengurusan risiko kewangan dilaksanakan melalui kajian risiko, sistem kawalan dalam dan pematuhan kepada dasar pengurusan risiko kewangan Syarikat.

**Risiko kecairan dan aliran tunai**

Pengurusan risiko kecairan berhemat bermakna mengekalkan tunai dan kemudahan dana yang mencukupi. Lebihan dana diletakkan dalam deposit di mana dana boleh disediakan dalam masa yang singkat. Di samping itu, kajian semula ke atas kecairan Syarikat adalah untuk memastikan keperluan tunai adalah mencukupi.

**Aset kewangan**

Aset kewangan utama Syarikat adalah penghutang dan deposit, pemegang amanah dan tunai dan setara tunai.

**Liabiliti kewangan**

Liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti dikelaskan menurut kandungan perjanjian kontrak yang dimeterai. Liabiliti kewangan utama Syarikat termasuk pemutang dan pendahuluan.

Instrumen ekuiti direkodkan pada hasil yang diterima selepas ditolak kos bagi terbitan langsung.

**Nilai saksama**

Nilai bawaan bagi aset kewangan dan liabiliti kewangan Syarikat pada tarikh kunci kira-kira adalah dianggarkan hampir dengan nilai saksama kerana tempoh matang yang pendek untuk instrumen ini.

**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 (SAMBUNGAN)**

**18. PERUBAHAN DASAR PERAKAUNAN DAN PEMBETULAN KESALAHAN**

Pelarasan tahun sebelum adalah disebabkan oleh pengkelasan semula penerimaan dana dan kos pembangunan yang belum siap sebagai aset.

	Dinyatakan sebelum RM	Pelarasan RM	Dinyatakan semula RM
<i>Kedudukan kewangan pada tahun kewangan kewangan berakhir 31 Disember 2014</i>			
Kos pembangunan	-	30,000	30,000
Modal dana wakaf korporat	-	(303,500)	(303,500)
(Lebihan)/Kurangan terkumpul	<u>(263,945)</u>	<u>273,500</u>	<u>9,555</u>
<i>Penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014</i>			
Hasil	303,500	(303,500)	-
Perbelanjaan	(37,498)	30,000	(7,498)
Lebihan/(Kurangan) tahun semasa	<u>266,145</u>	<u>(273,500)</u>	<u>(7,355)</u>

**19. KELULUSAN PENYATA KEWANGAN**

Penyata kewangan syarikat telah diluluskan untuk terbitan mengikut resolusi Para Pengarah pada tarikh penyata kewangan.



**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
**(1015578-X)**  
Syarikat ditubuhkan di Malaysia

**NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KETIGA**

**NOTIS ADALAH DENGAN INI DIBERIKAN** bahawa satu Mesyuarat Agung Tahunan Awqaf Holdings Berhad ("AWQAF") akan diadakan di **Satria 2, Dorsett Putrajaya Malaysia, Presint 3, 62000 WP Putrajaya** pada hari **Jumaat, 30 September 2016** jam **10.30 pagi** untuk tujuan-tujuan berikut:

**AGENDA**

**SEBAGAI URUSAN BIASA:**

1. Untuk menerima Penyata Kewangan yang telah diaudit serta Laporan Pengarah dan Laporan Juruaudit mengenainya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015. **Resolusi 1**
2. Untuk memilih dan melantik semula Pengarah-pengarah berikut yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 56 Artikel Syarikat:  
(a) YBhg. Tan Sri Siti Sa'diah Binti Sh Bakir.  
(b) Prof. Dr. Eg Rabiah Adawiah Binti Engku Ali. **Resolusi 2 (a)**  
**Resolusi 2 (b)**
3. Untuk mempertimbangkan dan sekiranya bersesuaian melantik semula YBhg. Dato' Mohamed Razali Bin Mohamed Yusoff, yang bersara menurut Seksyen 129 Akta Syarikat, 1965 sebagai Pengarah Syarikat dan memegang jawatan ini sehingga Mesyuarat Agung Tahunan yang seterusnya. **Resolusi 3**
4. Untuk melantik semula, Afrizan Tarmili Khairul Azhar sebagai juruaudit Syarikat bagi tahun berikutnya dan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka. **Resolusi 4**

**SEBAGAI URUSAN KHAS**

Untuk mempertimbangkan dan sekiranya bersesuaian, meluluskan resolusi-resolusi berikut sebagai Resolusi Biasa:

5. Untuk melaksanakan urusan-urusan lain Syarikat yang mana notis sewajarnya diterima berdasarkan Akta Syarikat, 1965.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah,

.....  
Setiausaha Syarikat  
Norhana Ramli (f)  
BC/N/1815

SHAH ALAM  
Bertarikh: 9 September 2016

**NOTA:**

1. Setiap keahlian RM1,000.00 adalah layak untuk mengundi dengan SATU undi tertakluk kepada peruntukan di dalam Memorandum dan Artikel Syarikat.
2. Setiap ahli yang layak untuk hadir dan mengundi di dalam Mesyuarat Agung adalah layak untuk melantik seorang atau beberapa orang (sama ada ahli atau tidak) sebagai perwakilan atau proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihak dirinya.
3. Sekiranya Ahli diwakili oleh lebih daripada seorang proksi, perlantikan proksi tersebut adalah tidak sah kecuali dinyatakan dengan jelas dan/atau spesifik bilangan atau jumlah undian yang dipegang oleh setiap proksi.
4. Suratcara perwakilan atau proksi hendaklah dibuat secara bertulis atau atau mana-mana bentuk yang dipersetujui Lembaga Pengarah. Sekiranya Ahli yang diwakili adalah sebuah syarikat/pertubuhan/perbadanan, suratcara tersebut mestilah dibuat sama ada di bawah meterai syarikat atau ditandatangani oleh seorang pegawai yang diberi kuasa.
5. Suratcara perwakilan atau proksi tersebut hendaklah dihantar ke pejabat berdaftar AWQAF atau di pejabat Setiausaha Syarikat di **Tetuan Hafizah Hana & Associates, No. 3, Astanaz Kristal Court, Jalan Kristal 7/67B, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor [Tel: +603-5523 2112/ Faks: +603-5523 4030]**, tidak kurang daripada 48 jam sebelum mesyuarat diadakan atau mana-mana penangguhan daripadanya.



**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
**(1015578-X)**  
(Syarikat ditubuhkan di Malaysia)

**BORANG PROKSI**

Saya/Kami, \_\_\_\_\_ (No. KP/No. Syarikat: \_\_\_\_\_)  
beralamat di \_\_\_\_\_,  
ahli Awqaf Holdings Berhad ("AWQAF") dengan ini melantik:

<b>Sila tanda (X)</b>	<b>Nama proksi/Alamat</b>	<b>No. K/P</b>	<b>Bilangan undi yang diwakili</b>
	Pengerusi Mesyuarat	-NA-	
	1.		
	2.		

untuk mengundi bagi pihak saya/kami di dalam Mesyuarat Agung Tahunan ("Mesyuarat") Syarikat yang diadakan pada hari Jumaat, 30 September 2016 pada pukul 10:30 pagi atau pada sebarang penangguhannya. Saya/Kami mengarahkan proksi saya/kami untuk mengundi Resolusi-resolusi yang dicadangkan di dalam Mesyuarat tersebut mengikut cara yang dinyatakan di bawah. Sekiranya tiada sebarang arahan khas pengundian diberikan atau sekiranya hal-hal lain dibangkitkan di dalam Mesyuarat tersebut atau penangguhannya, proksi boleh mengundi atau memilih untuk tidak mengundi berdasarkan budibicaranya.

<b>Bil.</b>	<b>Resolusi</b>	<b>Bilangan Undi "Menyokong"*</b>	<b>Bilangan Undi "Menentang"*</b>
1.	Laporan Pengarah dan Akaun yang diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2015.		
2(a).	Perlantikan semula YBhg. Tan Sri Siti Sa'diah Binti Sh Bakir sebagai Pengarah.		
2(b).	Perlantikan semula Prof. Dr. Eg Rabiah Adawiah Binti Engku Ali sebagai Pengarah.		
3.	Perlantikan semula YBhg. Dato' Mohamed Razali Bin Mohamed Yusoff sebagai Pengarah.		
4.	Perlantikan semula of Afrizan Tarmili Khairul Azhar sebagai juruaudit dan kuasa kepada Pengarah untuk menentukan imbuhan.		

\* Sekiranya anda ingin menjalankan kesemua undian dengan "Menyokong" atau "Menentang", sila tandakan (X) di dalam kotak yang disediakan. Sebagai alternatif, sila nyatakan jumlah undi sebagaimana yang sesuai.

Bertarikh \_\_\_\_\_ haribulan \_\_\_\_\_ 2016.

Ditandatangan oleh \_\_\_\_\_ )  
No. K/P: \_\_\_\_\_ )  
                        ) .....

# *LAMPIRAN*